



PETRONAS

# Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS



Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS adalah rujukan umum untuk digunakan di semua negara di mana PETRONAS beroperasi. Kod ini tidak merangkumi semua undang-undang atau polisi PETRONAS yang terpakai atau memberikan butiran lengkap mengenai mana-mana undang-undang atau polisi tertentu. Kod ini bukan merupakan nasihat undang-undang. Kod ini tidak membentuk atau mewujudkan kontrak pekerjaan. PETRONAS berhak untuk mengubah suai, menyemak, membatalkan atau mengetepikan mana-mana polisi, prosedur atau syarat tanpa notis dan tanpa semakan ke atas Kod ini. Selain itu, peruntukan Kod boleh diubah suai oleh PETRONAS untuk menyesaikannya dengan undang-undang dan syarat-syarat tempatan.

# Isi Kandungan

Perutusan Dari Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan .....	i
Prinsip Perniagaan Am .....	iv
Pengenalan .....	1

## **Bahagian I: Nilai Teras dan Budaya**

1. Pemakaian .....	2
2. Nilai dan Budaya Korporat .....	6
3. Definisi .....	8

## **Bahagian II: Kewajipan Suci Hati, Kesetiaan, Ketekunan dan Integriti**

### **Bahagian II A: Konflik Kepentingan**

1. Kewajipan Mengelak Konflik Kepentingan .....	9
2. Penglibatan Dalam Perniagaan di Mana Anda Atau Keluarga Anda/ Isi Rumah Anda Mempunyai Kepentingan Langsung Atau Tidak Langsung .....	12
3. Konflik Kepentingan Yang Timbul Apabila Anda Adalah Pihak Yang Terlibat Dalam Proses Membuat Keputusan .....	14
4. Pendedahan Memberi Kelebihan Yang Tidak Wajar Kepada Pihak Ketiga .....	16
5. Transaksi Peribadi Dengan Pelanggan, Pembekal, Kontraktor dan Vendor PETRONAS .....	17

### **Bahagian II B: Memerangi Rasuah dan Amalan Tidak Beretika**

6. Permintaan, Rasuah dan Korupsi .....	18
7. Penerimaan Bayaran Fasilitasi .....	20
8. Larangan ke Atas Komisen, Diskaun dan Keuntungan Rahsia .....	21
9. Pendedahan Keuntungan Atau Laba Rahsia .....	22
9A. Hadiah dan Hiburan .....	22
10. Penerimaan Hadiah dan Hiburan .....	24
11. Pemberian Hadiah dan Hiburan .....	25
12. Pegawai Awam .....	26
13. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Usaha Wajar Penilaian Rakan Niaga .....	28

### **Bahagian II C: Perdagangan Nasional dan Antarabangsa**

14. Undang-Undang Antimonopoli/Persaingan .....	33
15. Kawalan Eksport dan Import, Boikot Antarabangsa dan Program Sekatan Ekonomi .....	35

## **Bahagian II D: Aset PETRONAS**

16. Tanggungjawab Terhadap Aset, Sumber Fasilitas dan Rekod .....	35
---	----

## **Bahagian II E: Integriti Kewangan**

17. Kawalan dan Prosedur Dalaman .....	36
--	----

## **Bahagian II F: Kewajipan Kerahsiaan/Harta Intelek/ Komunikasi Awam**

18. Kewajipan Kerahsiaan .....	37
19. Perlindungan Data Peribadi .....	39
20. Perdagangan Orang Dalam .....	40
21. Ciptaan dan Program Komputer .....	41
22. Harta Intelek Pihak Ketiga .....	43
23. Penerbitan Bahan .....	44
24. Membuat Kenyataan Awam .....	45
25. Pemberian Rujukan .....	46
26. Media Sosial/Teknologi dan Sistem Maklumat .....	47

## **Bahagian II G: Kelakuan Bertentangan Dengan Kewajipan Untuk Berkhidmat Dengan Tekun**

27. Aktiviti Pekerjaan Atau Perniagaan di Luar .....	50
28. Khidmat Masyarakat, Rekreasi, Sukan, Kesatuan dan Aktiviti Kemasyarakatan .....	52
29. Aktiviti Politik .....	54
30. Larangan Bertindak Sebagai Editor Akhbar Atau Apa-Apa Bentuk Penerbitan .....	55
31. Penyertaan Dalam Media .....	56

## **Bahagian II H: Kewajipan Pendedahan**

32. Kewajipan Anda untuk Melaporkan Kemungkiran dan Pelanggaran .....	57
33. Pendedahan Lebihan Pembayaran .....	59

## **Bahagian III: Persekitaran dan Budaya Tempat Kerja**

1. Kepentingan Persekitaran Tempat Kerja yang Selamat, Terjamin dan Kondusif .....	60
2. Diskriminasi Yang Menyalahi Undang-undang .....	61
3. Pembangunan Mampan .....	62
4. Kod Pakaian .....	63
5. Gangguan Seksual .....	64
6. Perhubungan Peribadi di Tempat Kerja .....	65
7. Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar .....	66
8. Penyalahgunaan Bahan (Penyalahgunaan Dadah dan Alkohol) .....	67
9. Peminjaman Wang .....	69
10. Buli dan Gangguan di Tempat Kerja .....	70
11. Hak Asasi Manusia .....	72

**Bahagian IV: Disiplin, Proses Tatatertib dan Sekatan**

1. Kepentingan Kelakuan Baik dan Disiplin.....73

2. Proses Tatatertib dan Sekatan.....77



# Perutusan Oleh Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Pertama kali diterbitkan pada tahun 2012 sebagai panduan untuk kakitangan Kumpulan PETRONAS, Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS (CoBE) menggariskan jangkaan dan standard tingkah laku yang diharapkan daripada pekerja Kumpulan PETRONAS sewaktu mereka melaksanakan tugas dan dalam menjalankan sebarang urusan perniagaan.

CoBE dirangka berdasarkan Nilai Bersama PETRONAS yang konsisten iaitu Kesetiaan, Integriti, Profesionalisme dan Kesepaduan.

Dunia dan persekitaran perniagaan di mana PETRONAS beroperasi terus berubah dan berkembang. Mutakhir ini, terdapat jangkaan yang tinggi dan pengawasan yang dipertingkatkan ke atas industri minyak dan gas, walaupun dorongan ke arah peralihan tenaga semakin meningkat. Aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus kekal sebagai tonggak utama kemampuan: semuanya adalah elemen penting yang mesti digarap menjadi sebahagian daripada operasi PETRONAS.

Dalam keadaan ini, adalah penting bagi kita untuk mengamalkan CoBE merentasi seluruh operasi global PETRONAS bagi meningkatkan konsistensi dan menyokong pengawasan pengurusan yang berkesan.

Selaras dengan Pernyataan Tujuan PETRONAS – “Rakan kongsi tenaga dan penyelesaian progresif yang memperkaya kehidupan untuk masa depan yang mampan,” CoBE kini telah ditambah baik untuk disesuaikan dengan perkembangan dalam



undang-undang dan amalan tempatan serta antarabangsa, termasuklah kemajuan teknologi dan tadbir urus. Standard etika dan tingkah laku yang diamalkan oleh PETRONAS adalah asas untuk mendapatkan kepercayaan semua pihak yang bekerjasama dengan kita. Melalui asas kepercayaan inilah peluang yang lain akan terbuka.

Oleh itu, integriti mesti menjadi ciri utama seorang pekerja PETRONAS. Malah, kita kini mesti memperluas ciri tersebut kepada mereka yang bekerja dalam ekosistem kita.

CoBE akan terpakai bukan sahaja kepada semua pekerja dan pengarah dalam Kumpulan PETRONAS di seluruh dunia, tetapi kepada kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil, dan lain-lain pihak yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak Kumpulan PETRONAS. Hal ini kerana CoBE secara jelas melarang permintaan tidak wajar, rasuah dan aktiviti salah laku lain bukan sahaja oleh pekerja dan pengarah tetapi juga oleh pihak ketiga yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Memandangkan CoBE terpakai di peringkat antarabangsa, beberapa peruntukan CoBE telah diubah suai untuk disesuaikan dengan keperluan bidang kuasa tempatan di mana PETRONAS beroperasi. CoBE akan terus mempunyai Edisi Negara yang berasingan apabila perlu, untuk memenuhi undang-undang dan konvensyen sosial yang terpakai di bawah bidang kuasa tempatan. Seiring dengan itu, Edisi Negara tertentu juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa untuk memastikan mesej dan kehendak PETRONAS berhubung tingkah laku dan etika perniagaan disampaikan dengan jelas dan berkesan di negara tersebut.

Tidak terkecuali, setiap kakitangan di PETRONAS adalah bertanggungjawab untuk membuat pilihan yang betul dan menerima integriti sebagai cara hidup. Gunakanlah Kod ini sebagai panduan semasa anda melaksanakan tugas di PETRONAS dengan penuh rasa tanggungjawab dan komited untuk melakukan perkara yang betul, yang dizahirkan melalui perkataan dan tindakan anda.

Berbuat demikian akan memastikan kejayaan yang lebih besar dan mampan bagi kita semua – Kumpulan PETRONAS, rakan kongsi dan para pelanggan.

Terima kasih.



---

**TAN SRI TENGGU MUHAMMAD TAUFIK**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

# Prinsip

# Perniagaan Am



**Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) adalah sebuah syarikat tenaga dan penyelesaian global yang dinamik dengan niat teras untuk memacu kemajuan masyarakat secara bertanggungjawab dan mampan. Diiktiraf sebagai salah sebuah syarikat terbesar di dunia dan tersenarai dalam ranking Fortune Global 500®, PETRONAS memiliki sejumlah 46,884 pekerja dengan jangkauan global yang merangkumi lebih daripada 100 buah negara.**

**Kami di PETRONAS komited untuk menjadikan syarikat kami rakan kongsi tenaga dan penyelesaian progresif yang memperkaya kehidupan untuk masa depan yang mampan.**

Dalam menegakkan komitmen kami sebagai pemain industri yang bertanggungjawab dan teliti dalam sektor tenaga global, kemampanan kekal sebagai pertimbangan utama dalam apa yang kami lakukan dan bagaimana kami melakukannya. Kami komited untuk mengembangkan perniagaan kami secara bertanggungjawab, menyumbang secara positif kepada masyarakat dan alam sekitar.



## Rekod prestasi kami yang panjang sebagai rakan kongsi tenaga dan penyelesaian global

Sejak tahun 1974, kami telah mengubah PETRONAS daripada sebuah syarikat minyak nasional yang berpusat di dalam negeri kepada sebuah syarikat multinasional minyak dan gas bersepadu sepenuhnya. Pengalaman ini telah memberikan kami formula kemenangan untuk memacu peralihan kepada ekonomi karbon yang lebih rendah dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan masyarakat.



## Jangkauan global yang luas

Kami adalah sebuah organisasi yang mempunyai tenaga kerja yang signifikan di lebih 100 buah negara dan kami berusaha mencari potensi tenaga di seluruh dunia untuk menyediakan penyelesaian tenaga yang bertanggungjawab.



## Pasukan yang berdedikasi

Pasukan adalah kekuatan dan rakan kongsi kami ke arah pertumbuhan, di samping menjadi pemacu semangat untuk inovasi ke arah penyelesaian tenaga lestari. 46,884 pekerja kami di seluruh dunia terus berada di barisan hadapan dalam melaksanakan objektif strategik ini, dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran untuk berkembang maju dalam masa depan yang lebih rendah karbon.



## Tadbir urus yang bertanggungjawab

Kumpulan ini secara keseluruhannya berusaha untuk mencapai standard integriti tertinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. Kami mempunyai polisi, sistem dan protokol yang mantap untuk memastikan tadbir urus yang baik dan amalan perniagaan yang beretika.

## Perniagaan dan portfolio yang berkembang



Kami mempunyai sejarah kejayaan yang panjang dalam penerokaan, pembangunan dan pengeluaran minyak mentah dan gas asli dalam Malaysia dan luar negara. Dewasa ini, sistem tenaga dunia sedang mengalami fasa peralihan. Oleh itu, portfolio kami telah berkembang dan turut merangkumi hidrokarbon konvensional yang lebih bersih, sumber tenaga boleh diperbaharui dan pelbagai produk canggih serta penyelesaian yang mudah suai.



# Pengenalan

**PETRONAS komited untuk menegakkan standard integriti, tingkah laku beretika, profesionalisme dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai dalam semua operasinya.**

**PETRONAS akan terus:**

- Sentiasa mengikuti perkembangan undang-undang etika dan integriti yang berkenaan
- Menyediakan rangka kerja dan mekanisme tadbir urus yang mantap serta merangkumi kawalan dalaman dan pengurusan risiko
- Memupuk budaya integriti, tingkah laku beretika dan profesionalisme melalui penerapan dan pelaksanaan program pematuhan
- Mempunyai saluran Pemberian Maklumat yang berkesan

Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS ("Kod" atau "CoBE") terpakai kepada setiap pekerja, pengarah, pegawai PETRONAS dan pihak ketiga yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak PETRONAS. Bagi syarikat usaha sama di mana PETRONAS bukan pemegang kepentingan kawalan dan syarikat bersekutu, semua entiti tersebut juga adalah digalakkan untuk menerima pakai Kod ini atau prinsip dan standard yang serupa.

PETRONAS mengambil tindakan tatatertib yang tegas terhadap pekerja, pengarah atau pegawainya yang terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika. PETRONAS merizabkan haknya untuk menamatkan hubungan perniagaan dengan pihak ketiga yang didapati terlibat dalam salah laku tersebut.

PETRONAS mensyaratkan kakitangannya dan pihak ketiga yang melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak PETRONAS untuk mematuhi Kod ini sepenuhnya pada setiap masa.

# Bahagian I:

## Nilai Teras dan Budaya

### 1. Pemakaian

- 1.1** Kod ini adalah terpakai kepada setiap pekerja setiap Kumpulan syarikat PETRONAS di seluruh dunia. Ia juga bertujuan untuk terpakai kepada setiap pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) bagi syarikat-syarikat tersebut, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Kod ini. Kegagalan anda untuk mematuhi kod ini mungkin akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada PETRONAS dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan ke atas anda, atau pemecatan anda dari PETRONAS, tertakluk kepada keperluan undang-undang yang berkenaan.
- 1.2** Kod ini terpakai kepada anda dalam kapasiti anda sebagai pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan PETRONAS dan PETRONAS mensyaratkan tahap integriti dan kelakuan perniagaan yang sama daripada anda, sama ada anda terlibat sebagai ejen, perantara, terlibat untuk menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan untuk, bersama-sama dengan atau bagi pihak PETRONAS, atau rakan niaga dalam transaksi perniagaan dengan PETRONAS. "Pihak Ketiga" merujuk kepada individu dan entiti korporat termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pegawai, pekerja, ejen, perunding, penama, wakil, pemegang lesen, penasihat, subkontraktor dan mana-mana pembekal perkhidmatan. Kegagalan anda untuk mematuhi Kod ini mungkin mengakibatkan kesan yang buruk kepada PETRONAS dan kepada pihak anda sendiri, dan boleh menyebabkan PETRONAS meminta anda untuk mengambil langkah-langkah pemulihan untuk membetulkan pelanggaran, atau bahkan menggantung atau menamatkan hubungan perniagaan dengan anda, dan mengambil tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa jua hak kontraktual lain yang mungkin kami miliki terhadap anda kerana melanggar Kod ini.



- 1.3** Sekiranya anda ingin memajukan sebarang aduan mengenai unit atau pegawai, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen atau wakil PETRONAS, atau penyedia perkhidmatan PETRONAS yang lain, sebagai ganti kepada menghubungi Ketua Jabatan (HoD), Jabatan Sumber Manusia (HR Department), Jabatan Pematuhan Undang-Undang (LCD) atau orang hubungan PETRONAS, anda juga boleh menghubungi platform saluran pendedahan maklumat berikut:
- a) E-mel kepada [whistle@petronas.com](mailto:whistle@petronas.com)
  - b) Memajukan aduan dalam talian melalui <https://www.petronas.com/whistleblowing>
  - c) Secara bertulis kepada Peti Surat No. 11646, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur

Sila rujuk Dasar Pemberian Maklumat kami yang boleh didapati di laman web PETRONAS untuk maklumat lanjut.

- 1.4** Kod ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia serta mungkin turut disediakan dalam bahasa lain. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 1.5** Kod ini diamalkan (dengan penyesuaian kepada keadaan tempatan tertentu) di seluruh dunia melalui pelancaran berperingkat dan mula berkuatkuasa untuk kumpulan syarikat di Malaysia pada 18 Ogos 2022 ("Tarikh Kuat Kuasa"). Sehubungan itu, ia menggantikan Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS yang terdahulu. Sebarang salah laku yang dilakukan sebelum Tarikh Kuat Kuasa Kod ini akan diuruskan di bawah Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan PETRONAS yang terdahulu (atau polisi dan terma lain dan syarat-syarat perkhidmatan yang berkenaan) yang berkuat kuasa untuk syarikat anda pada masa salah laku tersebut.
- 1.6** Jika terdapat sebarang percanggahan antara undang-undang dan peraturan atau polisi yang dinyatakan dalam Kod ini, maka anda harus mematuhi undang-undang. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang percanggahan antara adat atau polisi tempatan dengan Kod ini, anda disarankan untuk mematuhi Kod ini. Jika anda berpendapat bahawa peruntukan Kod ini bercanggah dengan undang-undang yang berada dalam bidang kuasa anda, anda harus merujuk kepada HoD, HR, LCD, atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan bukannya mengabaikan Kod ini tanpa membuat rujukan kepada pihak yang disenaraikan di atas.

- 1.7** Peruntukan Kod ini boleh dipinda atau diketepikan oleh PETRONAS dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak PETRONAS. PETRONAS berpendapat bahawa pengecualian hanya akan diberikan dalam keadaan luar biasa dan hanya yang selaras dengan undang-undang dan polisi serta prosedur PETRONAS yang berkenaan. Peruntukan Kod ini boleh ditambah atau diubah suai untuk bidang kuasa anda melalui garis panduan tempatan (Edisi Negara) yang telah diluluskan melalui LCD. Secara khusus, peruntukan mengenai prosedur dan tindakan tatatertib untuk bidang kuasa akan anda dinyatakan dalam Edisi Negara untuk bidang kuasa anda. Sekiranya tiada peruntukan sedemikian ditetapkan, peraturan tatatertib standard dan amalan untuk menangani pelanggaran polisi syarikat akan terpakai dalam setiap keadaan, tertakluk kepada keperluan undang-undang yang terpakai dalam bidang kuasa anda. Kod ini boleh diamalkan melalui buku panduan atau terma dan syarat kontrak, atau manual atau dokumen yang serupa, yang boleh menangani perkara tambahan di luar skop Kod ini. Sila dapatkan nasihat daripada LCD untuk maklumat mengenai Edisi Negara yang berkuat kuasa untuk bidang kuasa anda (jika ada). Mana-mana Edisi Negara tersebut akan dianggap sebagai sebahagian daripada Kod ini untuk bidang kuasa anda.
- 1.8** Kod ini tidak mengenal pasti atau menetapkan setiap undang-undang, polisi atau prosedur yang mungkin terpakai kepada anda dalam melaksanakan peranan anda. Anda bertanggungjawab untuk mengambil maklum mengenai undang-undang dan polisi serta prosedur PETRONAS lain yang terpakai kepada anda yang bersesuaian dengan peranan anda bersama PETRONAS. Kod ini tidak membentuk nasihat undang-undang.
- 1.9** Untuk membantu anda memahami dan mentafsir Kod ini, panduan mesra pengguna kepada Kod ini yang bertajuk "Panduan CoBE PETRONAS", disediakan dan dipautkan sebagai dokumen rujukan dalam Kod ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Panduan CoBE PETRONAS dengan Kod ini, maka Kod ini (sebagaimana yang ditambah atau diubah suai untuk bidang kuasa anda) akan diguna pakai.
- 1.10** Di samping itu, bahagian-bahagian tertentu di bawah Kod ini dipautkan kepada Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS serta Polisi dan Garis Panduan Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC) sebagai dokumen rujukan dalam Kod ini. Sebarang pindaan dan semakan kepada dokumen-dokumen ini akan dikemas kini pada pautan rujukan apabila diperlukan.

- 1.11** Kod ini tidak bertujuan untuk menangani setiap situasi yang mungkin anda hadapi semasa bekerja atau sewaktu menjalankan perniagaan dengan PETRONAS. Kenyataan penjelasan atau contoh yang dinyatakan di bawah Kod ini mungkin terpakai atau tidak kepada situasi/hubungan/aturan anda dengan PETRONAS dan ia hanya bertindak sebagai panduan sahaja. Kod ini bukanlah pengganti kepada tugas, tanggungjawab, dan akauntabiliti anda sendiri untuk mematuhi semua undang-undang yang terpakai kepada anda atau perniagaan anda, serta tidak menjadi pengganti kepada pertimbangan wajar anda dalam menggunakan budi bicara dan membuat keputusan perniagaan.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## 2. Nilai dan Budaya Korporat

**2.1** PETRONAS komited kepada standard integriti, keterbukaan dan akauntabiliti tertinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. PETRONAS berusaha untuk menjalankan hal ehwalnya secara beretika, bertanggungjawab dan telus.

**2.2** Sebagai pekerja PETRONAS, anda mempunyai kewajipan untuk berkhidmat kepada PETRONAS dengan suci hati, kesetiaan, ketekunan, dan integriti. Anda adalah dikehendaki untuk bertindak demi kepentingan terbaik PETRONAS dan mengelak daripada terlibat dalam kelakuan atau aktiviti yang boleh menjejaskan kepentingan tersebut. Anda pada setiap masa dikehendaki untuk:

- mengekalkan tahap integriti dengan penuh teliti.
- sentiasa mengamalkan sikap berhati-hati dan pertimbangan yang wajar.
- mengelakkan konflik kepentingan.
- mengelak daripada mengambil kesempatan atas kedudukan anda atau menggunakan kuasa anda untuk kepentingan peribadi yang boleh menjejaskan PETRONAS.

Anda tidak boleh berkelakuan dengan cara yang mungkin menjejaskan atau memusnahkan atau merosakkan keyakinan dan kepercayaan PETRONAS terhadap anda. Kewajipan ini adalah tanpa had ke atas kewajipan yang dikenakan kepada anda oleh undang-undang.

Sekiranya anda diminta untuk melakukan sesuatu yang anda fikir meragukan, salah atau tidak wajar, anda harus mengambil tindakan untuk menangani keadaan tersebut dengan mendapatkan secara terus panduan yang sesuai daripada HoD, Jabatan Sumber Manusia atau LCD.

- 2.3** PETRONAS mengharapkan bahawa, sepanjang masa perkhidmatan anda sebagai pekerja PETRONAS, anda akan:
- a) berusaha ke arah standard profesionalisme yang tinggi.
  - b) sentiasa memberikan kesetiaan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada PETRONAS dalam setiap keadaan.
  - c) berkhidmat dengan kejujuran dan integriti, saling menghormati, dan kesopanan.
  - d) mempamerkan kesepaduan kumpulan berdasarkan satu tujuan yang sama dengan sikap prihatin terhadap individu.
  - e) menjaga kepentingan dan reputasi PETRONAS.
  - f) mempamerkan ciri disiplin, kerjasama, dan ketekunan yang tinggi dalam menjalankan tugas anda.
  - g) bertindak secara konsisten untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan PETRONAS terhadap anda.
  - h) menggalakkan kreativiti dan pendekatan baharu dalam menjalankan tugas anda.
  - i) mematuhi undang-undang, peraturan dan polisi serta prosedur PETRONAS yang berkenaan.

### 3. Definisi

- 3.1** Sekiranya konteks atau struktur ayat di sini mengkehendaki, maka semua perkataan yang digunakan dalam jamak akan dianggap turut merangkumi perkataan tunggal, dan sebaliknya; maskulin akan turut merangkumi feminin dan neutral, dan sebaliknya; dan kala sekarang akan turut merangkumi kala lampau dan kala mendatang, dan sebaliknya.
- 3.2** Rujukan kepada “anda” dalam Kod ini merujuk kepada mana-mana pihak yang mana Kod ini adalah terpakai ke atasnya. Sekiranya rujukan yang lebih khusus digunakan (seperti “pekerja”), maka Kod ini memaksudkan rujukan yang lebih khusus tersebut.
- 3.3** Bagi maksud Kod ini, istilah “keluarga/isi rumah” termasuk pasangan, anak-anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), ibu bapa, ibu bapa tiri, adik-beradik, adik-beradik tiri, datuk, nenek, cucu, mentua, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara, dan sepupu, serta individu lain yang menjadi isi rumah anda.
- 3.4** Bagi maksud Kod ini, istilah “pekerja” bermakna mana-mana individu yang sedang bekerja dengan PETRONAS termasuk tetapi tidak terhad kepada eksekutif, bukan eksekutif, setiausaha, kakitangan pinjaman dan individu yang diupah secara langsung.
- 3.5** Istilah “PETRONAS” bermakna PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS) dan anak-anak syarikat serta syarikat kawalannya. Ungkapan “PETRONAS” digunakan untuk merujuk kepada syarikat-syarikat PETRONAS secara umum. Syarikat-syarikat di mana PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS) mempunyai pegangan saham secara langsung atau tidak langsung adalah merupakan entiti undang-undang yang berbeza.
- 3.6** Bagi maksud Kod ini, istilah “orang hubungan PETRONAS” bermakna pegawai lantikan PETRONAS yang boleh dihubungi oleh mana-mana pihak ketiga yang mempunyai urusan perniagaan dengan PETRONAS.

# Bahagian II :

## Kewajipan Suci Hati, Kesetiaan, Ketekunan dan Integriti

### Bahagian II A: Konflik Kepentingan

#### 1. Kewajipan Mengelak Konflik Kepentingan

##### 1.1 Konflik kepentingan

- a) Konflik kepentingan boleh terjadi apabila seseorang individu berada dalam kedudukan di mana individu tersebut boleh mengambil kesempatan atas peranannya di PETRONAS untuk kepentingan peribadi, termasuk manfaat untuk keluarga dan rakan-rakannya, di mana kepentingannya mungkin bercanggah/berpotensi bercanggah dengan kepentingan PETRONAS.
- b) Konflik kepentingan boleh menyukarkan seseorang individu untuk memenuhi tugasnya secara adil dan betul.
- c) Konflik kepentingan boleh wujud walaupun ia tidak menyebabkan tindakan yang tidak beretika atau tidak wajar. Tindakan wujudnya pengaruh yang tidak wajar ke atas anda semasa proses membuat keputusan juga boleh membangkitkan isu konflik kepentingan tersebut.
- d) Konflik kepentingan akan menjejaskan nilai suci hati, kesetiaan, ketekunan, dan integriti dalam melaksanakan tugas dan kewajipan anda seperti yang diharapkan oleh PETRONAS.

Oleh itu, anda mesti mengelak sebarang konflik kepentingan antara urusan peribadi dengan tugas dan tanggungjawab anda sewaktu menjalankan perniagaan PETRONAS. Secara khususnya, menggunakan jawatan di PETRONAS, maklumat sulit, aset, dan sumber PETRONAS yang lain untuk kepentingan peribadi, atau untuk kepentingan pihak lain yang berkaitan dengan anda, adalah dilarang.

**1.2** Situasi di mana konflik kepentingan mungkin timbul adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a) Apabila anda, dalam menggunakan kuasa anda, memberi keutamaan kepada kepentingan anda atau kepentingan keluarga/ahli isi rumah, rakan kongsi, atau rakan dan bukannya untuk kepentingan PETRONAS.
- b) Apabila anda berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh PETRONAS berkenaan suatu urusan yang melibatkan perniagaan, perusahaan atau entiti yang dimiliki atau sebahagiannya dimiliki oleh anda, ahli keluarga/isi rumah, rakan kongsi atau rakan anda.
- c) Apabila anda bersaing dengan PETRONAS. Oleh itu, anda mesti mengelakkan konflik kepentingan antara urusan peribadi anda dan tugas serta tanggungjawab anda dalam menjalankan perniagaan PETRONAS. Secara khususnya, menggunakan jawatan di PETRONAS, maklumat sulit, aset, dan sumber PETRONAS yang lain untuk kepentingan peribadi, atau untuk kepentingan pihak lain yang berkaitan dengan anda, adalah sepenuhnya dilarang.
- d) Apabila anda mempunyai kepentingan kewangan di pihak pembekal, kontraktor, pesaing atau pelanggan dan anda terlibat dalam proses membuat keputusan di pihak PETRONAS yang berkaitan dengan, atau relevan, kepada pihak tersebut.
- e) Apabila anda mempunyai kepentingan kewangan dalam transaksi di mana anda mempunyai pengetahuan bahawa PETRONAS terlibat atau berniat untuk terlibat.
- f) Apabila anda menerima yuran, komisen atau faedah lain daripada pembekal, kontraktor, pesaing, atau pelanggan.



- 1.3** Sebarang situasi berkaitan konflik tersebut mesti disahkan oleh HoD dengan merujuk kepada Jabatan Sumber Manusia, setiausaha syarikat yang berkaitan (dalam kes pengarah) atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda. Kegagalan untuk mendedahkan sepenuhnya sifat dan skop konflik kepentingan sebaik sahaja anda menyedarinya, boleh mengakibatkan tindakan tatatertib atau langkah pengurusan akibat diambil terhadap anda, sama ada risiko atau konflik sebenar tersebut mengakibatkan kesan buruk yang ketara atau tidak ketara kepada PETRONAS.

## **2. Penglibatan Dalam Perniagaan di Mana Anda Atau Keluarga/Isi Rumah Anda Mempunyai Kepentingan Langsung Atau Tidak Langsung**

- 2.1** Anda dianggap mempunyai konflik kepentingan sekiranya anda, ahli keluarga/isi rumah serta penama dan pemegang amanah bagi pihak anda atau pihak yang disebutkan tadi, dan mana-mana akaun atau entiti di mana anda atau pihak yang disebutkan tadi mempunyai pengaruh atau kawalan ke atasnya, menggalakkan pembentukan mana-mana perniagaan, firma, perbadanan, atau syarikat dan/atau memiliki, sama ada secara langsung atau tidak langsung, saham atau bentuk kepentingan benefisial lain (selepas ini dirujuk sebagai "Ekuiti") termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- a) Entiti-entiti milik persendirian yang memperoleh apa-apa pendapatan atau menerima apa-apa bayaran daripada kontrak atau urusan perniagaan lain dengan PETRONAS;
  - b) Entiti-entiti milik persendirian yang disenaraikan dalam senarai kontraktor berdaftar PETRONAS, walaupun entiti berkenaan tidak memperoleh apa-apa pendapatan atau menerima apa-apa bayaran daripada kontrak atau urusan perniagaan lain dengan PETRONAS; dan/atau
  - c) Entiti-entiti milik awam di mana anda atau ahli keluarga/isi rumah anda memegang kepentingan pemilikan melebihi 1% dan di mana anda mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sewaktu melaksanakan tugas anda di PETRONAS.
- 2.2** Sekiranya suatu keadaan timbul (contohnya kerana perwarisan atau perkahwinan) di mana anda (atau ahli keluarga/isi rumah anda) secara langsung atau tidak langsung, menjadi pemilik Ekuiti dalam mana-mana entiti yang disenaraikan di atas, maka anda akan dianggap berada dalam suatu situasi di mana berpotensi timbulnya konflik kepentingan. Anda wajib, sebaik sahaja menyedari keadaan itu, untuk mendedahkannya secara bertulis kepada HoD, Jabatan Sumber Manusia, setiausaha syarikat yang berkaitan (dalam kes pengarah) atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda. Sebarang konflik kepentingan mesti disahkan oleh HoD, dengan proses konsultasi melibatkan Jabatan Sumber Manusia, setiausaha syarikat yang berkaitan (dalam kes pengarah) atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda dan konsultasi tersebut hendaklah merangkumi pengemukaan cadangan dan/atau rekomendasi mengenai cara yang paling sesuai untuk mencegah atau mengatasi konflik kepentingan tersebut.

Kegagalan untuk memaklumkan kepada PETRONAS berhubung pengetahuan anda tentang situasi konflik kepentingan (atau potensi timbulnya situasi konflik kepentingan seperti yang diterangkan di atas) dan/atau kegagalan anda untuk mematuhi ketetapan PETRONAS akan dianggap sebagai suatu situasi konflik kepentingan yang mana tindakan disiplin yang sesuai boleh diambil terhadap anda.

Konflik kepentingan dan potensi berlakunya konflik kepentingan yang telah didedahkan sepenuhnya dan yang secara rasmi telah disahkan dan diizinkan oleh PETRONAS tidak akan dianggap sebagai pelanggaran kepada Kod ini.

- 2.3** Anda digalakkan untuk mengisytiharkan kepentingan anda dalam keadaan tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

Sekiranya anda, ahli keluarga/isi rumah dan penama serta pemegang amanah bagi pihak anda atau pihak yang disenaraikan di atas, dan mana-mana akaun atau entiti di mana anda atau pihak yang disenaraikan di atas mempunyai pengaruh atau kawalan ke atasnya, terlibat dalam pembentukan mana-mana perniagaan, firma, perbadanan atau syarikat dan/atau memiliki, sama ada secara langsung atau tidak langsung, saham atau bentuk kepentingan benefisial yang lain dalam:

- a) Entiti-entiti milik persendirian; dan/atau
- b) Entiti milik awam.

### **3. Konflik Kepentingan Yang Timbul Apabila Anda Adalah Pihak Yang Terlibat Dalam Proses Membuat Keputusan**

- 3.1** Anda akan berada dalam situasi konflik kepentingan apabila anda, ahli keluarga/isi rumah dan/atau rakan kongsi anda mempunyai kepentingan (sama ada sebagai pengarah atau dalam bentuk perkongsian, pegangan saham atau melalui agensi) dalam entiti yang ada dalam senarai kontraktor berdaftar PETRONAS atau yang mempunyai kontrak atau perjanjian pembekal dengan PETRONAS, dan anda terlibat dalam apa-apa jua proses membuat keputusan bagi pihak PETRONAS yang berkaitan dengan, atau mempunyai urusan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dengan entiti tersebut semasa menjalankan tugas anda di PETRONAS.
- 3.2** Anda juga akan berada dalam situasi konflik kepentingan apabila anda terlibat atau dijangka terlibat dalam urusan pengambilan, pengawasan, pengurusan, atau perancangan kerjaya berkenaan dengan mana-mana saudara mara anda di PETRONAS atau dalam entiti yang menyediakan perkhidmatan kepada PETRONAS.
- 3.3** Apabila anda mempunyai pengetahuan tentang keadaan konflik kepentingan sedemikian, melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh PETRONAS, anda hendaklah mengelak daripada mengambil bahagian dalam mana-mana proses membuat keputusan bagi pihak PETRONAS atau perbincangan yang melibatkan entiti atau individu tersebut, dan mengelak daripada melakukan apa-apa yang boleh mempengaruhi keputusan mengenai urusan tersebut. Anda hendaklah melaporkan konflik kepentingan tersebut kepada HoD, setiausaha syarikat yang berkaitan (dalam kes pengarah) atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda. Berikutan laporan itu, HoD dengan konsultasi bersama Jabatan Sumber Manusia, atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, mengikut kesesuaian situasi, akan memberikan arahan selanjutnya kepada anda sebagaimana yang difikirkannya sesuai, yang hendaklah anda patuhi.

- 3.4** Anda mungkin diminta untuk berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah dalam organisasi lain dan ini berkemungkinan, dalam beberapa situasi, menimbulkan konflik kepentingan atau isu undang-undang, walaupun perkhidmatan itu adalah atas asas sukarela dan tidak dibayar. Sebelum pekerja PETRONAS menerima jawatan sebagai ahli lembaga pengarah di luar PETRONAS, pekerja tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan daripada HoD.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

#### **4. Pendedahan Pemberian Kelebihan Yang Tidak Wajar Kepada Pihak Ketiga**

Anda tidak boleh terlibat dengan tindakan atau peninggalan apa-apa tindakan yang memberikan kelebihan yang tidak wajar kepada pihak luar dalam urusannya dengan PETRONAS tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada PETRONAS, sama ada perbuatan atau peninggalan sedemikian menyebabkan anda memperoleh keuntungan, faedah atau kelebihan peribadi dalam transaksi perniagaan atau urusan yang melibatkan PETRONAS atau pun sebaliknya. Kelulusan terdahulu hendaklah diperolehi melalui HoD (atau, dalam kes pengarah, kesemua ahli lembaga pengarah yang berkaitan). Pemberian maklumat sulit kepada pihak di luar PETRONAS tanpa kebenaran yang sewajarnya untuk membantu pihak tersebut dalam mendapatkan perniagaan PETRONAS atau atas sebab lain akan dianggap sebagai pelanggaran kepada larangan ini.

## **5. Transaksi Peribadi Dengan Pelanggan, Pembekal, Kontraktor dan Vendor PETRONAS**

- 5.1** Anda tidak dibenarkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk membuat transaksi atau urusan pembelian atau penjualan mana-mana harta alih atau tak alih, atau untuk pembekalan atau pembelian mana-mana perkhidmatan daripada mana-mana pelanggan, pembekal, kontraktor atau vendor PETRONAS (atau dengan ejen atau wakil pihak tersebut) yang mana anda terlibat dalam menjalankan atau mungkin menjalankan urusan rasmi bagi pihak PETRONAS dengan pihak tersebut, selain daripada transaksi atau urusan atas terma-terma seperti yang tersedia secara umum kepada orang awam.
- 5.2** Sekiranya anda, selepas mengambil langkah secukupnya untuk mengelakkan transaksi atau urusan seperti yang dinyatakan di atas, tetap tidak mempunyai pilihan lain selain daripada mengambil tindakan yang bertentangan dengan larangan ini, anda hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada HoD yang ditugaskan kepada anda dengan konsultasi bersama Jabatan Sumber Manusia dan tidak boleh meneruskan tindakan tersebut sehinggalah kebenaran tersebut diperolehi.
- 5.3** Pemberian kebenaran di atas adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak PETRONAS selepas berpuas hati bahawa urusan niaga atau urusan tersebut adalah tidak bertentangan dengan kewajipan anda terhadap PETRONAS atau tidak menjejaskan pelaksanaan tugas dengan cara yang wajar dan betul di pihak anda.

## **Bahagian II B: Memerangi Rasuah dan Amalan Tidak Beretika**

### **6. Permintaan, Rasuah dan Korupsi**

- 6.1** Sekiranya anda melakukan perbuatan rasuah, maka tindakan tersebut mempunyai kesan yang boleh menjejaskan prestasi anda dalam melaksanakan tugas dengan cara yang wajar dan betul serta pelaksanaan kuasa di pihak anda, yang selanjutnya akan menjejaskan integriti proses pembuatan keputusan dan keputusan PETRONAS itu sendiri berkaitan perniagaan dan hal ehwalnya. Perbuatan sedemikian juga mempunyai kesan lanjut yang berpotensi menjejaskan PETRONAS dan pengarah, pegawai, atau rakan kongsinya.
- 6.2** Anda dilarang daripada, secara langsung atau tidak langsung, meminta, menerima atau memperoleh atau bersetuju untuk menerima atau cuba mendapatkan, daripada mana-mana pihak untuk diri sendiri atau mana-mana pihak lain, apa-apa rasuah atau suapan sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau menahan diri untuk melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan PETRONAS, atau untuk menunjukkan pilih kasih atau untuk menunjukkan rasa tidak senang kepada mana-mana pihak berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan PETRONAS.
- 6.3** Anda tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menawarkan, berjanji, atau memberi apa-apa rasuah atau suapan sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau menahan diri untuk melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan PETRONAS, atau untuk menunjukkan pilih kasih atau untuk menunjukkan rasa tidak senang hati berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan PETRONAS, sama ada dalam bentuk pembayaran fasilitasi bagi mempercepat sebarang urusan, sogokan, derma, yuran atau apa-apa bentuk lain.



**6.4** Anda hendaklah memastikan status etika dan integriti mana-mana kontraktor, subkontraktor, vendor, ejen, perunding, wakil, pembekal perkhidmatan atau mana-mana pihak lain yang anda lantik bagi melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak PETRONAS atau berhubung dengan hal ehwal atau perniagaan PETRONAS adalah baik dan mengesahkan bahawa pihak yang berkaitan memahami dan menerima polisi PETRONAS yang melarang permintaan tidak wajar, rasuah dan korupsi. Kontraktor, subkontraktor, ejen, perunding, wakil, pembekal perkhidmatan dan lain-lain mestilah mematuhi polisi tersebut semasa melaksanakan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak PETRONAS.

**6.5** Sebarang tanggapan wujudnya kelakuan yang dilarang di bawah peruntukan Seksyen 6 ini, atau apa-apa tindakan lain yang tidak beretika atau yang boleh mencemarkan reputasi PETRONAS berhubung dengan kejujuran dan integriti, mestilah dielakkan. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu tindakan itu dibenarkan atau sebaliknya, maka anda hendaklah mendapatkan panduan daripada HoD, LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda terlebih dahulu sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Jika anda menerima permintaan atau ditawarkan dengan rasuah, anda mestilah menolak tawaran itu dan segera melaporkannya kepada saluran Pemberian Maklumat PETRONAS, HoD, LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, mengikut kesesuaian.

**6.6** Dalam bahagian ini, "rasuah" atau "suapan" adalah apa-apa hadiah, pembayaran, faedah atau kelebihan lain, sama ada kewangan atau sebaliknya, yang ditawarkan, diberikan, atau diterima untuk mendapatkan hasil, anugerah, keputusan, faedah atau kelebihan yang tidak wajar atau tidak betul. Rasuah atau suapan tidak semestinya melibatkan wang tunai atau aset kewangan lain semata-mata — ia boleh menjadi apa-apa kelebihan, termasuk penggunaan perkhidmatan atau harta korporat yang tidak dibayar, jaminan pinjaman atau penyediaan peluang pekerjaan kepada keluarga atau rakan kepada pihak yang berurusan dengan PETRONAS.

#### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Dasar dan Garis Panduan Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)
- Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS

## 7. Penerimaan Bayaran Fasilitasi

- 7.1** Anda dilarang untuk, secara langsung atau tidak langsung, menerima atau memperoleh atau cuba menerima atau mendapatkan bayaran fasilitasi daripada mana-mana pihak untuk diri sendiri atau untuk mana-mana pihak lain yang tertakluk kepada Kod ini.
- 7.2** Dalam bahagian ini, istilah “pembayaran fasilitasi” secara amnya bermaksud pembayaran yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan pelaksanaan sesuatu proses oleh seseorang yang melaksanakan rutin, tugas atau fungsi pentadbiran di PETRONAS.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Dasar dan Garis Panduan Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)
- Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS

## 8. Larangan ke Atas Komisen, Diskaun dan Keuntungan Rahsia

Anda tidak boleh secara langsung atau tidak langsung, menerima atau memperoleh, berkenaan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan yang dijual atau dibeli, atau sebarang urusan niaga lain yang diuruskan (sama ada oleh anda atau tidak) oleh atau bagi pihak PETRONAS, apa-apa diskaun, rebat, komisen, perkhidmatan, kepentingan, balasan bernilai atau faedah atau pembayaran lain dalam apa jua bentuk (sama ada secara tunai atau barang-barang) yang tidak dibenarkan oleh peraturan, polisi atau garis panduan PETRONAS.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## 9. Pendedahan Keuntungan Atau Laba Rahsia PETRONAS

Seseorang yang tertakluk kepada Kod ini yang, secara langsung atau tidak langsung, telah memperoleh apa-apa diskaun, rebat, komisen, perkhidmatan, kepentingan, balasan bernilai atau faedah lain atau pembayaran dalam apa jua bentuk (sama ada dalam bentuk tunai atau barang-barang dan sama ada sebagai rasuah atau sebaliknya), yang diperolehi daripada kedudukannya dalam PETRONAS atau semasa diberi kuasa dan kebenaran untuk bertindak bagi pihak PETRONAS, mestilah segera mendedahkan penerimaan tersebut dan bertanggungjawab untuk mengisytiharkan butiran penerimaan tersebut termasuk nilai barangan bukan tunai kepada HoD (untuk pekerja PETRONAS) atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepadanya (untuk bukan pekerja, contohnya: kontraktor). Semua jumlah yang diterima hendaklah diserahkan kepada PETRONAS.

### 9A. Hadiah dan Hiburan

- 9.1** PETRONAS telah menerima pakai Polisi "Tiada Hadiah" di mana, hanya sebilangan kecil pengecualian tertentu dan terhad diberikan seperti yang diperuntukkan dalam Polisi dan Garis Panduan Antirasuah dan Korupsi (Manual ABC) PETRONAS, yang mana secara amnya kakitangan dan pengarah PETRONAS serta ahli keluarga/isi rumahnya atau ejen yang bertindak untuk atau bagi pihak PETRONAS adalah dilarang sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada menerima atau memberikan hadiah.
- 9.2** PETRONAS menghendaki kakitangan dan pengarahnya mematuhi Polisi "Tiada Hadiah" ini untuk mengelakkan timbulnya konflik kepentingan atau sebarang tanggapan wujudnya konflik kepentingan. Hadiah dan hiburan yang disediakan semasa urusan perniagaan sedang berjalan atau berpotensi untuk berjalan antara PETRONAS dan pihak luar boleh dilihat sebagai suatu tindakan yang mewujudkan konflik kepentingan, atau risiko berlakunya perbuatan rasuah. Tindakan sedemikian boleh mencemarkan reputasi PETRONAS serta merupakan suatu pelanggaran kepada undang-undang antirasuah dan korupsi.

- 9.3** Pekerja dan pengarah bertanggungjawab untuk memaklumkan pihak luar yang terlibat dalam sebarang urusan perniagaan dengan PETRONAS mengenai Polisi "Tiada Hadiah".

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Garis Panduan dan Dasar Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)

## 10. Penerimaan Hadiah dan Hiburan

- 10.1** Anda dikehendaki mematuhi prosedur Jabatan Sumber Manusia PETRONAS yang berkaitan dengan penerimaan hadiah dan hiburan.
- 10.2** Anda, atau mana-mana ahli keluarga/isi rumah anda tidak boleh menerima hadiah atau hiburan sebagai balasan untuk anda menggunakan atau tidak menggunakan bidang kuasa anda di PETRONAS, maklumat atau apa-apa perkara lain yang berisiko menjejaskan kepentingan PETRONAS.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Garis Panduan dan Dasar Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)

## 11. Pemberian Hadiah dan Hiburan

- 11.1** Anda dikehendaki mematuhi prosedur Jabatan Sumber Manusia PETRONAS yang berkaitan dengan pemberian hadiah dan hiburan.
- 11.2** PETRONAS melarang pemberian hadiah dan hiburan yang menyalahi undang-undang atau berbahaya, atau tidak senonoh, bersifat seksual atau tidak konsisten dengan komitmen PETRONAS untuk saling menghormati, atau untuk tujuan mempengaruhi seseorang secara tidak wajar untuk mengambil tindakan yang memihak PETRONAS atau untuk menahan sebarang tindakan daripada diambil ke atas PETRONAS. Hadiah berbentuk wang tunai adalah dilarang. Anda juga adalah dilarang daripada membuat pembayaran secara peribadi untuk hadiah atau hiburan bagi tujuan mengelak daripada mendapat kelulusan sewajarnya atau sebagai suatu cara membelakangi polisi PETRONAS.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Garis Panduan dan Dasar Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)

## 12. Pegawai Awam

- 12.1** Anda dilarang menawarkan hadiah dan hiburan kepada pegawai awam kecuali mengikut polisi dan prosedur Jabatan Sumber Manusia PETRONAS berkaitan dengan pemberian hadiah dan hiburan.
- 12.2** Anda dilarang menawarkan hadiah dan hiburan, termasuk perbelanjaan berkaitan perjalanan, kepada pegawai awam dan/ atau ahli keluarga/isi rumah pegawai tersebut berhubung dengan sebarang transaksi yang berkaitan dengan PETRONAS sama ada secara langsung atau tidak langsung, tanpa kebenaran daripada HoD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, dengan konsultasi bersama LCD.
- 12.3** Anda dilarang membayar untuk perjalanan dan hospitaliti yang tidak bersangkutan dengan perniagaan untuk mana-mana pegawai awam dan/atau ahli keluarga/isi rumahnya berhubung dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan PETRONAS sama ada secara langsung atau tidak langsung, tanpa kebenaran daripada HoD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda dengan konsultasi bersama LCD.
- 12.4** Anda mesti mematuhi undang-undang tempatan mengenai proses melobi di bawah mana-mana bidang kuasa di mana PETRONAS terlibat dalam aktiviti melobi. Sebelum terlibat dalam aktiviti melobi, anda perlu mendapatkan panduan daripada HoD dengan konsultasi bersama LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.
- 12.5** Anda tidak boleh menawarkan atau memberikan hadiah atau apa-apa faedah kepada mana-mana individu seperti ejen, perunding atau kontraktor, sekiranya anda mempunyai pengetahuan atau mengesyaki bahawa seorang pegawai awam atau ahli keluarga/isi rumahnya akan menjadi benefisiari atau penerima tidak langsung pemberian tersebut, melainkan yang diluluskan oleh HoD dengan konsultasi bersama LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.



- 12.6** Mana-mana kontraktor, subkontraktor, perunding, vendor, ejen, wakil, atau penyedia perkhidmatan lain yang berurusan dengan pegawai awam bagi pihak PETRONAS mestilah dinilai dan dimaklumkan mengenai peruntukan Kod ini yang berkaitan dengan larangan memberikan hadiah dan hiburan kepada pegawai awam.
- 12.7** Anda tidak boleh membelakangi peruntukan di bawah Seksyen 12 ini. Anda hendaklah dalam setiap keadaan mematuhi peraturan mengenai permintaan, rasuah dan korupsi yang dinyatakan di bahagian lain di bawah Bahagian II ini, serta undang-undang yang terpakai berhubung dengan rasuah dan korupsi.
- 12.8** Bagi maksud Kod ini, istilah “pegawai awam” termasuk, tanpa batasan, kepada semua pegawai awam atau kerajaan, mana-mana individu yang mempunyai fungsi sebagai pegawai awam atau bertindak dalam kapasiti pegawai awam, calon untuk jawatan kerajaan, pegawai mana-mana parti politik, dan pegawai yang berkhidmat dalam syarikat berkaitan kerajaan selain PETRONAS.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Garis Panduan dan Dasar Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)

## **13. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Usaha Wajar Penilaian Rakan Niaga**

- 13.1** Jika semasa menjalankan tugas, anda berurusan dengan pihak ketiga yang telah memasuki atau akan memasuki sebarang urusan atau transaksi dengan PETRONAS, anda mesti menjalankan usaha wajar penilaian rakan niaga yang sesuai untuk memahami perniagaan dan latar belakang pihak ketiga tersebut selain untuk menentukan sumber dan destinasi wang, harta, serta perkhidmatannya. Anda mesti melaporkan kepada HoD atau, LCD, atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, sebarang transaksi yang mencurigakan atau tindakan pengubahan wang haram atau rasuah yang disyaki berlaku. Anda tidak boleh cuba menyiasat kes pengubahan wang haram atau rasuah tersebut sendiri. HoD anda secara amnya akan bertanggungjawab terhadap keputusan dalam hal ini.
- 13.2** Dalam bahagian ini, "pengubahan wang haram" secara amnya ditakrifkan sebagai berlaku apabila sumber atau elemen jenayah pada wang atau aset disembunyikan atau dijadikan seolah-olah kelihatan sah di sisi undang-undang, atau apabila dana yang sah di sisi undang-undang digunakan untuk menyokong aktiviti jenayah, termasuk pembiayaan keganasan. Kesalahan yang terkandung dalam peruntukan undang-undang pencegahan pengubahan wang haram termasuklah tindakan cuba menjejaskan atau menghalang siasatan serta kegagalan dalam melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan.
- 13.3** Anda tidak boleh berurusan dengan penjenayah atau hasil daripada perbuatan jenayah.
- 13.4** Apa-apa jumlah, sifat, tujuan, dan penyedia atau penerima apa-apa pembayaran atau pemindahan dana kepada atau daripada kumpulan syarikat PETRONAS mesti direkodkan dengan tepat butirannya dalam laporan dan rekod.

- 13.5** Anda tidak boleh menubuhkan bank, perdagangan sekuriti atau akaun yang serupa atas nama syarikat PETRONAS atau untuk manfaat PETRONAS tanpa memperolehi kebenaran yang sewajarnya daripada Jabatan Kewangan.
- 13.6** Sekiranya terdapat sebarang ketetapan oleh pengawal selia untuk mewujudkan garis panduan mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram, maka ketetapan yang dibuat tersebut hendaklah dipatuhi dengan sewajarnya.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Garis Panduan dan Dasar Antirasuah dan Korupsi PETRONAS (Manual ABC)

## **Bahagian II C: Perdagangan Nasional dan Antarabangsa**

### **14. Undang-Undang Antimonopoli/Persaingan**

- 14.1** Anda dikehendaki mematuhi undang-undang persaingan yang terpakai dalam negara di mana PETRONAS menjalankan operasinya dan/atau mempunyai urusan perniagaan dengannya. Anda hendaklah memastikan bahawa setiap urusan dengan rakan kongsi perniagaan (contohnya, pelanggan dan pembekal), kontraktor, subkontraktor, pesaing, vendor, ejen, wakil kerajaan dan pihak berkuasa mencerminkan amalan perniagaan yang adil dan baik pada setiap masa, di samping mematuhi undang-undang dan peraturan yang mengawal persaingan bebas dan adil serta berkaitan monopoli. Lanjutan daripada ketetapan ini, anda adalah diwajibkan untuk mematuhi Garis Panduan Persaingan PETRONAS yang berkuat kuasa untuk bidang kuasa anda dari semasa ke semasa, yang mana salinannya boleh didapati daripada LCD.
- 14.2** Adalah menjadi polisi PETRONAS bahawa jika mana-mana pekerja atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak PETRONAS terlibat, mengambil bahagian atau mencadangkan apa-apa kelakuan yang melanggar undang-undang persaingan, maka pihak tersebut adalah dianggap telah melanggar Kod ini dan akan dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya anda tidak pasti sama ada aktiviti yang dijalankan mematuhi peruntukan peraturan persaingan, anda hendaklah menghubungi LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda berhubung perkara tersebut.

**14.3** Prinsip Asas

**14.3.1** Secara amnya, undang-undang persaingan yang terpakai di sesebuah negara tersebut mengikat semua syarikat yang menjalankan perniagaan di negara itu, tidak kira sama ada syarikat tersebut ditubuhkan di negara itu atau sebaliknya.

**14.3.2** Undang-undang persaingan secara amnya:

- a) Melarang semua bentuk perjanjian yang kesan atau objektifnya adalah pencegahan, sekatan atau manipulasi ke atas persaingan pada tahap yang signifikan dalam negara di mana undang-undang tersebut adalah terpakai. Larangan tersebut turut merangkumi perjanjian rasmi atau pun sebaliknya.
- b) Melarang syarikat yang memegang kedudukan dominan daripada mengeksploitasi dan menyalahgunakan kuasa pasaran mereka yang kukuh hingga boleh menjejaskan perdagangan. Sebuah syarikat secara amnya dianggap mempunyai kedudukan dominan jika ia adalah pembekal atau pembeli utama sesuatu set produk/perkhidmatan di satu kawasan geografi tertentu dan ia dapat menggunakan kuasa pasaran yang dimilikinya pada tahap yang ketara ke atas pelanggan atau pembekalnya.
- c) Mensyaratkan pemakluman/pemfailan awal kepada pihak berkuasa undang-undang persaingan yang kompeten bagi tujuan kawalan penggabungan serta menetapkan penggabungan, pengambilalihan dan transaksi lain tertentu mestilah mendapat kebenaran pihak berkuasa tersebut, yang mana proses tersebut boleh disekat jika didapati mengurangkan persaingan secara ketara dalam mana-mana pasaran yang berkaitan.

**14.3.3** Di Malaysia, PETRONAS mempunyai kedudukan yang unik sebagai syarikat milik negara, dan dalam beberapa situasi mempunyai hak monopoli atau pengawalseliaan, LCD hendaklah dirujuk sekiranya terdapat persoalan mengenai pemakaian undang-undang Malaysia atau negara lain dalam bidang ini (terutamanya berkenaan dengan apa-apa kesan luar wilayah), khususnya berdasarkan peruntukan Akta Persaingan 2010.

**14.4** Akibat yang berbangkit daripada Pelanggaran Undang-undang Persaingan

Pelanggaran undang-undang persaingan boleh mengakibatkan mana-mana atau semua kesan berikut:

- a) Penalti kewangan yang sangat serius (contohnya, di Malaysia dan EU, penalti dikenakan sehingga 10% daripada perolehan tahunan di seluruh dunia bagi keseluruhan kumpulan);
- b) Pemenjaraan ke atas pekerja yang terlibat dan kehilangan kelayakan bagi pengarah dalam beberapa bidang kuasa;
- c) Tuntutan ganti rugi yang dibawa oleh pelanggan, pesaing, dan/atau pengguna yang terkesan oleh tindakan antipersaingan;
- d) Publisiti buruk (reputasi), pembaziran sumber dalaman dan kos tambahan (contohnya, yuran guaman);
- e) Implikasi kontrak (contohnya, pembatalan kontrak atau peruntukannya yang melanggar undang-undang persaingan); dan
- f) Penyelesaian pertikaian berkaitan undang-undang persaingan.

Sila ambil perhatian bahawa anda mempunyai kewajipan untuk mendapatkan nasihat daripada LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda sebaik sahaja anda mengenal pasti suatu situasi yang mana anda percaya boleh meletakkan PETRONAS dalam situasi melakukan pelanggaran peraturan undang-undang persaingan.

**Dokumen Rujukan**

- Panduan CoBE PETRONAS

## **15. Kawalan Eksport dan Import, Boikot Antarabangsa dan Program Sekatan Ekonomi**

- 15.1** PETRONAS mestilah mempunyai keupayaan untuk mempertimbangkan potensi kesan undang-undang kawalan eksport dan program sekatan ekonomi sebelum memindahkan barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan merentasi sempadan negara melalui apa jua cara. Bagi maksud yang tersebut, jika anda terlibat dengan import atau eksport, anda mestilah mempunyai kebenaran yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang meluluskan kebenaran tersebut mengikut Had Kuasa masing-masing, dan dengan konsultasi bersama LCD sebelum mengimport atau mengeksport barangan, teknologi, perisian, atau perkhidmatan merentasi sempadan negara untuk atau bagi pihak PETRONAS. Selanjutnya, jika barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan tersebut berasal dari Amerika Syarikat, maka sebarang pemindahan dalam negara juga boleh mencetuskan pemakaian undang-undang kawalan eksport Amerika Syarikat. Oleh itu, suatu langkah berjaga-jaga yang khas mesti diambil untuk mengesahkan sama ada sesuatu barangan, teknologi, perisian atau perkhidmatan itu akan dianggap untuk berasal dari Amerika Syarikat.
- 15.2** Anda tidak boleh membawa barangan larangan ke sesebuah negara tanpa mengisytiharkannya dan anda adalah dilarang untuk mengimport barangan yang diharamkan. Anda mestilah memenuhi ketetapan import yang dikenakan apabila membawa barangan atau perkhidmatan ke dalam sesebuah negara, di samping memastikan duti, levi dan cukai dibayar serta dokumentasi yang lengkap telah dikemukakan.
- 15.3** Anda dilarang untuk memboikot pelanggan, pembekal, atau sebarang bidang kuasa tanpa kebenaran daripada pihak yang diberi kuasa untuk meluluskan kebenaran berbuat demikian mengikut Had Kuasa masing-masing dengan konsultasi bersama LCD. Anda harus melaporkan kepada HoD, LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda, berkaitan sebarang permintaan untuk mengambil bahagian dalam boikot antarabangsa, kerana sesetengah negara mungkin mensyaratkan permintaan sedemikian dilaporkan oleh PETRONAS.

- 15.4** Jika anda terlibat dalam urusan perniagaan di peringkat antarabangsa untuk atau bagi pihak PETRONAS, anda mesti mengambil maklum tentang negara, organisasi dan individu yang dikenakan sekatan di bawah undang-undang yang terpakai kepada anda atau majikan kumpulan PETRONAS anda yang berkenaan. Sekatan adalah suatu bidang yang kompleks, sehubungan itu anda harus merujuk kepada pihak yang diberi kuasa mengikut Had Kuasa masing-masing dengan konsultasi bersama LCD mengenai sebarang pertanyaan atau ketidakpastian dalam hal tersebut.
- 15.5** Anda mesti mematuhi polisi dan prosedur PETRONAS yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa mengenai kawalan eksport dan import, boikot, dan program sekatan ekonomi.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS



## Bahagian II D: Aset PETRONAS

### 16. Tanggungjawab Terhadap Aset, Kemudahan, Sumber dan Rekod

- 16.1** Akses dan pemilikan aset, kemudahan, sumber atau rekod milik PETRONAS disediakan atas kepercayaan dan keyakinan bahawa ia akan digunakan untuk tujuan perniagaan PETRONAS. Aset ini terbahagi kepada dua iaitu aset ketara—contohnya, peralatan, termasuk perkakasan komputer, atau wang tunai—atau aset tidak ketara, seperti harta intelek dan perisian komputer.
- 16.2** Anda bertanggungjawab untuk menyimpan dengan selamat semua aset, kemudahan, sumber dan rekod milik PETRONAS yang disediakan kepada anda untuk melaksanakan tugas. Anda mesti mematuhi semua polisi dan prosedur PETRONAS yang dipinda dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengenai penggunaan semua aset, kemudahan, sumber, dan rekod.
- 16.3** Anda mesti mengambil segala langkah yang diperlukan untuk mencegah kecurian, kehilangan, kerosakan, atau penyalahgunaan aset, kemudahan, sumber dan rekod milik PETRONAS. Kejadian sebegini sekiranya berlaku harus dilaporkan kepada PETRONAS dengan kadar segera. Tanpa mengira keadaan atau nilai, segala aset, kemudahan, sumber dan rekod milik PETRONAS tidak boleh disalahgunakan, diambil, dijual, dipinjamkan, diberikan atau dilupuskan, atau digunakan untuk tujuan peribadi, kecuali dengan kebenaran khusus yang sah daripada PETRONAS.
- 16.4** Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, anda adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan aset, kemudahan, sumber dan rekod yang timbul akibat daripada salah laku yang disengajakan atau kecuaiannya daripada pihak anda, atau yang diakibatkan daripada sebarang tindakan yang diambil tanpa kelulusan PETRONAS. Apa-apa kerugian kewangan yang dialami oleh PETRONAS berhubung perkara tersebut boleh dituntut semula daripada anda melalui potongan gaji atau cara yang lain. Berdasarkan peruntukan undang-undang yang terpakai, PETRONAS boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap sesuai oleh PETRONAS terhadap anda, termasuk melaporkan anda kepada pihak berkuasa.

Dokumen Rujukan  
• Panduan CoBE PETRONAS

## Bahagian II E: Integriti Kewangan

### 17. Kawalan dan Prosedur Dalaman

**17.1** Anda mesti mematuhi semua undang-undang, polisi dan prosedur yang ditetapkan dari semasa ke semasa untuk melindungi dan memelihara integriti dan ketepatan laporan dan rekod kewangan PETRONAS. Dalam hal ini, anda adalah dilarang (termasuk tetapi tidak terhad kepada) daripada melakukan tindakan yang berikut:

- a) menyembunyikan, mengubah, memusnahkan atau meminda rekod atau dokumen PETRONAS tanpa mengikut prosedur biasa yang ditetapkan atau tanpa mematuhi prosedur dalaman mengenai pengekalan dokumen (serta dalam setiap keadaan tidak menghalang, atau menggagalkan sebarang siasatan atau audit, atau menyembunyikan atau menyalurkan maklumat yang salah).
- b) dengan sengaja membuat kemasukan butiran yang palsu atau mengelirukan dalam rekod, laporan, fail atau tuntutan (termasuk laporan perbelanjaan perjalanan dan hiburan).
- c) menubuhkan akaun, syarikat atau pengaturan yang mungkin mempunyai kesan atau akibat yang boleh membelakangi atau menggagalkan kawalan, polisi atau prosedur PETRONAS.
- d) gagal untuk bekerjasama sepenuhnya dan sejujurnya dengan proses audit dalaman dan luaran yang diberi kuasa oleh PETRONAS.
- e) terlibat dalam mana-mana skim untuk menipu sesiapa sahaja berhubung wang, harta, atau perkhidmatan.

**17.2** Anda juga hendaklah mematuhi semua polisi dan prosedur yang ditetapkan dari semasa ke semasa mengenai penyediaan, penyelenggaraan dan pelupusan laporan dan rekod kewangan PETRONAS.

Dokumen Rujukan  
• Panduan CoBE PETRONAS

## **Bahagian II F: Kewajipan Kerahsiaan/Harta Intelek /Komunikasi Awam**

### **18. Kewajipan Kerahsiaan**

- 18.1** Hal ehwal perniagaan, maklumat dan rekod PETRONAS yang terdiri daripada rekod perniagaan, teknikal, kewangan, undang-undang, kakitangan dan kontrak, data dan dokumen yang terdiri daripada e-mel, surat, peta, laporan, lukisan, pengiraan, spesifikasi, formula, borang, lesen, perjanjian dan/atau lain-lain dokumen atau perisian/teknologi komputer/digital atau fail dalam apa jua bentuknya dan maklumat mengenai formula, proses dan kaedah pembuatan adalah semuanya tertakluk sebagai maklumat sulit milik PETRONAS. Maklumat sulit tersebut adalah peribadi dan sulit serta tidak boleh digunakan, dibincangkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak di dalam atau di luar PETRONAS, kecuali oleh pihak yang diberi kuasa untuk berbuat demikian. Semua langkah berjaga-jaga yang wajar perlu diambil oleh anda berkenaan dengan kerahsiaan maklumat sulit tersebut.
- 18.2** Anda adalah dilarang, sama ada semasa atau selepas tempoh bekerja atau penglibatan anda, mendedahkan, atau menggunakan tanpa memperolehi kebenaran yang sewajarnya, apa-apa jua maklumat sulit yang berada dalam pengetahuan anda semasa tempoh yang tersebut di atas di bawah mana-mana kontrak perkhidmatan sebelumnya dengan PETRONAS. Anda hendaklah, semasa dan selepas tempoh tersebut, mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengekalkan kerahsiaan semua maklumat sulit tersebut.

- 18.3** Kecuali setakat mana yang dibenarkan bagi tujuan melaksanakan tugas, anda adalah dilarang, tanpa persetujuan PETRONAS, untuk mengekalkan, atau membuat salinan asal atau salinan pendua bagi maklumat sulit atau notis daripadanya, atau menyimpan sampel spesimen di mana PETRONAS mungkin atau mungkin berminat ke atasnya, yang mana perkara tersebut telah berada dalam milikan anda melalui tempoh pekerjaan atau penglibatan anda di PETRONAS. Jika selepas penamatan tempoh pekerjaan atau penglibatan anda yang tersebut, anda masih memiliki apa-apa maklumat sulit atau mana-mana sampel atau spesimen seperti yang dinyatakan di atas, maka anda adalah dikehendaki untuk menyerahkan dengan kadar segera semua yang tersebut kepada PETRONAS tanpa perlu diminta, pada atau sebelum tarikh pemberhentian pekerjaan/penglibatan tersebut, kecuali apabila persetujuan untuk mengekalkannya telah diberikan kepada anda oleh PETRONAS.
- 18.4** Sepanjang berurusan dengan PETRONAS, anda berkemungkinan telah membina jaringan dan hubungan dengan vendor, pembekal, kontraktor, prinsipal dan rakan perniagaan PETRONAS yang lain. Oleh itu, anda adalah dilarang, pada bila-bila masa sepanjang berurusan dengan PETRONAS, atau untuk tempoh dua tahun (atau untuk apa-apa tempoh masa lain yang mungkin dinyatakan dalam terma lantikan atau Edisi Negara kepada Kod ini yang terpakai kepada anda) selepas terhentinya urusan anda dengan PETRONAS, sama ada melalui peletakan jawatan atau sebaliknya, menggunakan peluang perniagaan yang timbul daripada urusan anda dengan PETRONAS tersebut, atau menyebabkan, atau cuba menyebabkan terhalangnya peluang perniagaan tersebut daripada PETRONAS, atau menyebabkan, atau cuba menyebabkan penamatan sebarang kontrak, agensi atau hubungan perniagaan lain PETRONAS tanpa mendapat persetujuan PETRONAS terlebih dahulu.
- 18.5** Anda tidak akan pada bila-bila masa selepas pemberhentian tempoh jawatan anda dengan PETRONAS, sama ada melalui perletakan jawatan atau sebaliknya, menggunakan maklumat sulit PETRONAS dengan cara yang melanggar kewajipan pasca tempoh jawatan yang ditetapkan bagi mengekalkan kerahsiaan maklumat sulit tersebut.
- 18.6** Walaupun PETRONAS boleh menggaji pihak yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang teknikal, anda tidak boleh bagi pihak atau untuk manfaat PETRONAS, menggaji mana-mana pihak sebagai satu cara untuk mendapatkan akses kepada rahsia perdagangan dan maklumat sensitif milik pihak lain.

## 19. Perlindungan Data Peribadi

- 19.1** Anda mesti mematuhi Polisi Privasi Korporat PETRONAS, yang akan dibaca bersama dengan polisi, prosedur, dan garis panduan dalaman PETRONAS yang lain berhubung perlindungan data peribadi dan privasi.
- 19.2** Anda juga hendaklah mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi yang terpakai di setiap negara di mana PETRONAS beroperasi (jika berkenaan).
- 19.3** Anda mesti memastikan bahawa proses pengendalian yang anda jalankan ke atas data peribadi yang dikumpulkan daripada mana-mana pihak seperti data peribadi pelanggan, pekerja, pemegang saham, rakan kongsi perniagaan, vendor, pembekal, penyedia perkhidmatan atau pihak kerajaan sentiasa mematuhi Polisi Privasi Korporat PETRONAS serta undang-undang dan peraturan yang mengawal perlindungan data peribadi dan privasi.
- 19.4** Sebarang kemungkiran atau pelanggaran Polisi Privasi Korporat PETRONAS atau undang-undang atau peraturan perlindungan data peribadi yang berkenaan boleh dianggap sebagai salah laku dan pelanggaran kepada Kod ini yang mana tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh diambil terhadap anda.
- 19.5** Sekiranya terdapat keraguan mengenai status pematuhan aktiviti pemprosesan data yang anda kendalikan dengan undang-undang perlindungan data peribadi yang berkenaan dan/atau polisi, prosedur, garis panduan, atau manual dalaman yang berkaitan, sila hubungi LCD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.

## 20. Perdagangan Orang Dalam

- 20.1** Anda mesti melindungi maklumat perniagaan sulit PETRONAS dan rakan niaganya, dan tidak menggunakannya untuk kepentingan diri sendiri atau manfaat orang lain—terutamanya untuk tidak berdagang dengan saham atau sekuriti lain, atau untuk mengesyorkan atau menyebabkan pihak ketiga berbuat demikian.
- 20.2** Anda dikehendaki mematuhi semua undang-undang yang terpakai mengenai perdagangan orang dalam. Secara amnya, ia berlaku apabila anda berdagang dengan saham atau sekuriti lain semasa memiliki maklumat bukan awam yang material, atau apabila anda berkongsi maklumat tersebut dengan orang lain yang kemudiannya berdagang dengan saham tersebut atau sekuriti lain. Secara khususnya, anda tidak boleh berdagang dengan sekuriti syarikat kumpulan PETRONAS (atau dagangan spekulatif lain berkenaan dengan sekuriti tersebut) semasa memiliki maklumat bukan awam yang material berkaitannya. PETRONAS mensyaratkan semua pengarah, pekerja, keluarga/isi rumah masing-masing dan lain-lain pihak yang mempunyai hubungan dengan PETRONAS, serta memiliki akses kepada maklumat tersebut, untuk mematuhi prinsip-prinsip ini bersama-sama dengan undang-undang, peraturan dan polisi lain mengenai pengendalian maklumat sulit. "Maklumat bukan awam yang material" secara amnya adalah maklumat bukan awam yang difikirkan penting oleh pelabur sewaktu membuat keputusan untuk membeli atau menjual sekuriti. Larangan yang diterangkan di sini juga terpakai kepada "maklumat sensitif berkaitan harga" atau jenis maklumat lain yang serupa dalam bidang kuasa di mana undang-undang perdagangan orang dalam yang terpakai merujuk kepada jenis maklumat tersebut.
- 20.3** Anda juga dikehendaki mematuhi semua undang-undang yang terpakai mengenai penyalahgunaan pasaran sekuriti, yang merangkumi larangan penyebaran maklumat palsu atau penglibatan dalam aktiviti yang bertujuan memanipulasi pasaran untuk sekuriti dagangan awam.

## 21. Ciptaan dan Program Komputer

- 21.1** PETRONAS menggalakkan anda untuk memiliki daya cipta dan inovatif. Sifat sedemikian adalah sebahagian daripada tanggungjawab biasa anda kepada PETRONAS.
- 21.2** Tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang terpakai, pemilikan ke atas apa-apa harta intelek yang dicetuskan atau disumbangkan oleh anda sepanjang bekerja dengan PETRONAS, atau semasa melaksanakan tugas atau ketika menggunakan sumber, data dan/atau masa PETRONAS, adalah menjadi hakmilik PETRONAS. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang terpakai, PETRONAS boleh memberi ganjaran kepada anda sebagaimana yang difikirkannya sesuai, mengikut budi bicaranya.
- 21.3** Selanjutnya kepada Seksyen 21.2 di atas, anda tidak boleh memfailkan sebarang tanda dagangan, paten atau reka bentuk berdaftar, atau menuntut hak cipta di atas nama anda sendiri bagi harta intelek tersebut.
- 21.4** Anda tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada PETRONAS, mendedahkan harta intelek tersebut atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengannya kepada mana-mana individu atau pihak ketiga kecuali kepada PETRONAS dan peguam/ejennya yang diberi kuasa berhubung perkara tersebut.
- 21.5** Tanpa menjejaskan haknya di bawah Seksyen ini, PETRONAS bersedia, dalam kes-kes tertentu, untuk mempertimbangkan permintaan daripada anda untuk mendapatkan kebenaran bagi menerbitkan kertas asal berhubung harta intelek tersebut melalui kaedah yang sesuai, apabila PETRONAS berpendapat perkara tersebut memanfaatkan masyarakat dan pendedahan tersebut tidak akan merugikan PETRONAS.
- 21.6** Dalam Bahagian ini, istilah "harta intelek" bermaksud apa-apa paten, pengetahuan, hak cipta, reka bentuk perindustrian, tanda dagangan atau tanda perkhidmatan, maklumat sulit, sama ada berdaftar atau sebaliknya (termasuk sebarang permohonan untuk pendaftaran hak-hak yang disebutkan di atas) berhubung dengan apa-apa bahan (termasuk ciptaan, program komputer atau hasil penyelidikan teknologi) dan apa-apa harta intelek atau hak harta perindustrian lain dalam apa jua bentuk yang wujud di bawah undang-undang pada bila-bila masa, di mana-mana bahagian di dunia.

- 21.7** Selanjutnya, istilah “program komputer” termasuk mana-mana program komputer, perisian, penyelesaian digital, skrip, atau arahan komputer lain atau teknologi digital yang berkaitan dengan mana-mana perniagaan dan proses yang dijalankan oleh PETRONAS.
- 21.8** Sekiranya anda membangunkan apa-apa ciptaan/inovasi semasa tempoh pekerjaan atau penglibatan anda dengan PETRONAS, anda dikehendaki menyimpan butiran ciptaan dan/atau inovasi tersebut sebagai maklumat sulit dan tidak mendedahkan maklumat mengenainya kepada mana-mana pihak ketiga di luar PETRONAS. Anda dikehendaki memaklumkan kepada HoD atau kakitangan lain yang ditugaskan bagi perkara tersebut tentang ciptaan dan/atau inovasi tersebut dalam kadar segera yang munasabah.
- 21.9** Lanjutan daripada Seksyen 21.8 di atas, anda atas permintaan PETRONAS, adalah dikehendaki untuk menandatangani apa-apa borang atau perjanjian sekiranya perlu atau dikehendaki di bawah undang-undang, untuk menyerahkan kepentingan dalam harta intelek tersebut kepada PETRONAS.



## 22. Harta Intelekt Pihak Ketiga

- 22.1** Anda dikehendaki mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kewajipan kontraktual mengenai hak harta intelek pihak lain yang sah, termasuk paten, hak cipta, rahsia perdagangan dan maklumat lain yang dimilikinya. Anda tidak boleh melanggar hak harta intelek pihak lain yang dilindungi. Anda hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat, data, bahan atau teknologi (termasuk perisian/ penyelesaian digital) yang digunakan atau dihasilkan semula semasa melaksanakan tugas, pekerjaan atau penglibatan anda bersama PETRONAS tidak melanggar sebarang hak harta intelek mana-mana pihak ketiga.

## 23. Penerbitan Bahan

- 23.1** Kecuali dengan kebenaran bertulis daripada PETRONAS, anda adalah dilarang daripada menerbitkan atau menulis apa-apa buku atau karya lain berdasarkan maklumat sulit PETRONAS seperti yang diterangkan dalam Seksyen 18.1.
- 23.2** Sekiranya kebenaran diberikan, maka kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- a) Penerbitan yang dicadangkan tidak akan diterbitkan seolah-olah menggambarkan, menyatakan atau menandakan bahawa ia telah menerima sokongan rasmi atau bantuan atau tajaan daripada PETRONAS; dan
  - b) Penerbitan yang dicadangkan tidak akan, dalam apa jua keadaan, mengandungi atau mempamerkan perkataan "penerbitan yang diluluskan PETRONAS" atau perkataan yang membawa kesan yang sama, walau bagaimanapun diungkapkan, yang boleh ditafsirkan untuk menunjukkan bahawa penerbitan itu telah dipersetujui atau diluluskan oleh PETRONAS.
- 23.3** Kategori pekerja tertentu (contohnya, jurutera dan ahli teknologi tertentu) dalam program pakar PETRONAS tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Seksyen 23.2, tetapi penerbitan buku, artikel, jurnal, bahan pembentangan atau karya lain berdasarkan maklumat dan data PETRONAS memerlukan semakan terlebih dahulu dan kebenaran yang sewajarnya daripada PETRONAS. Sebarang persoalan dalam hal ini boleh dirujuk kepada HoD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.

## 24. Membuat Kenyataan Awam

- 24.1** Tanpa mengira sama ada dalam kapasiti peribadi atau rasmi, anda adalah dilarang sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa kaedah lain (termasuk di laman web media sosial), membuat atau mengedarkan apa-apa kenyataan awam mengenai polisi atau keputusan PETRONAS, atau membincangkan secara terbuka apa-apa langkah yang diambil oleh PETRONAS atau apa-apa tugas rasmi yang dilaksanakan atau dijalankan oleh anda, melainkan jika anda dilantik atau diberi kuasa sewajarnya untuk membuat kenyataan sedemikian bagi pihak PETRONAS.
- 24.2** Anda adalah dilarang, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dalam apa-apa kaedah lain (melainkan jika anda dilantik atau diberi kuasa seperti yang dinyatakan di atas), membuat apa-apa kenyataan awam atau komen mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan kerja di jabatan atau organisasi di mana anda masih atau pernah diambil bekerja, atau berkaitan dengan mana-mana organisasi yang mana PETRONAS berurusan dengannya:
- a) Di mana kenyataan atau komen sedemikian boleh dianggap sebagai polisi PETRONAS;
  - b) Di mana kenyataan atau komen sedemikian boleh memalukan atau berisiko memalukan PETRONAS; dan/atau
  - c) Di mana kenyataan atau komen sedemikian boleh menjejaskan kepentingan dan reputasi PETRONAS.
- 24.3** Dalam Bahagian ini, "kenyataan awam" atau "membincangkan secara terbuka" adalah termasuk membuat apa-apa kenyataan atau komen kepada akhbar, majalah, terbitan berkala atau kepada orang awam, atau semasa kuliah, atau ucapan, atau penyiarannya melalui medium bunyi, paparan atau elektronik. Ia juga terpakai kepada setiap jenis surat-menyurat termasuk mel, dokumen elektronik, mesej segera, laman web, media sosial, blog, dokumen kertas, faksimili, suara, dan rakaman mel suara.

## 25. Pemberian Rujukan

- 25.1** Anda hanya dibenarkan untuk memberikan rujukan, sekiranya ada, yang mana rujukan tersebut hendaklah dibuat bukan dalam kapasiti PETRONAS, dan tanpa menggunakan nama PETRONAS atau alat tulis dengan logo atau apa-apa identiti korporat PETRONAS, kecuali dalam perkara sebagaimana yang diperlukan dalam proses perniagaan yang biasa.

Dalam menyediakan rujukan tersebut di atas kapasiti yang tidak bersangkutan dengan PETRONAS, anda adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak yang menggunakan rujukan tersebut bahawa rujukan yang anda berikan adalah dibuat atas kapasiti yang tidak bersangkutan dengan PETRONAS.

## 26. Media Sosial/Teknologi Maklumat dan Sistem

- 26.1** Anda tidak boleh memuat naik, memuat turun, menghantar atau mengakses atau menyimpan pornografi atau bahan lain yang tidak senonoh atau menyinggung perasaan, menggunakan premis, peralatan atau sistem PETRONAS. Penghantaran atau tindakan memajukan kenyataan bersifat lucah, libel, fitnah, menyinggung perasaan atau perkauman adalah dilarang sama sekali. Jika anda menerima bahan-bahan seperti ini, anda mesti memaklumkan penerimaan tersebut dengan kadar segera kepada pihak pengurusan PETRONAS.
- 26.2** Anda tidak boleh memuat naik, memuat turun, menghantar atau mengakses bahan yang mungkin menyebabkan gangguan, kesulitan, atau menimbulkan rasa kurang senang kepada rakan sekerja anda, termasuklah bahan jenaka yang tidak sopan.
- 26.3** Sistem IT dan komunikasi PETRONAS hendaklah digunakan bagi tujuan kerja dan perniagaan PETRONAS sahaja.
- 26.4** Anda tidak boleh menghantar e-mel peribadi dengan menggunakan e-mel rasmi PETRONAS, atau memaparkan tajuk atau pembawa PETRONAS di dalamnya, yang mana tindakan tersebut seolah-olah menggambarkan bahawa komunikasi tersebut adalah dibenarkan oleh PETRONAS.
- 26.5** Anda tidak boleh menggunakan alamat dan perkhidmatan e-mel peribadi untuk menghantar atau menerima maklumat sulit PETRONAS. Anda juga tidak boleh membenarkan penghantaran automatik mel elektronik ke alamat e-mel luaran.
- 26.6** Anda tidak boleh memadam atau memintas langkah-langkah keselamatan IT PETRONAS.
- 26.7** Semasa menggunakan sistem IT dan komunikasi PETRONAS, menjalankan perniagaan PETRONAS atau bertindak untuk faedah PETRONAS, anda tidak boleh secara sengaja menyembunyikan atau memberi gambaran yang salah tentang identiti anda. Anda tidak boleh menghantar mesej melalui e-mel menggunakan akaun e-mel individu lain, melainkan sekiranya anda mempunyai kebenaran yang sewajarnya daripada pemilik akaun e-mel tersebut.

- 26.8** Anda tidak boleh memalsukan atau cuba memalsukan mesej e-mel.
- 26.9** Anda tidak boleh menghantar atau memajukan mesej e-mel yang tidak diminta.
- 26.10** Anda mesti mengelak daripada menghantar maklumat sulit melalui mesej elektronik (contohnya, sistem pesanan ringkas) atau lain-lain saluran penghantaran mesej yang tidak selamat. Jika ini tidak dapat dielakkan, maka maklumat tersebut mesti dilindungi (contohnya, dengan menggunakan penyulitan atau kata laluan).
- 26.11** Pemasangan perisian pihak ketiga di dalam, atau sambungan perkakasan kepada, sistem atau peralatan IT PETRONAS tanpa kelulusan HoD atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda terlebih dahulu, adalah dilarang.
- 26.12** Anda tidak boleh menggunakan sistem IT dan komunikasi PETRONAS untuk:
- Melakukan penipuan;
  - Menjalankan perniagaan anda sendiri;
  - Melihat, memuat turun, menyalin, berkongsi, memproses atau menyiarkan maklumat secara haram yang mana tindakan tersebut adalah melanggar hak harta intelektual penyedia kandungan yang berkaitan;
  - Menghantar surat berantai, membuat permintaan untuk wang atau hadiah, atau membuat tawaran peribadi untuk menjual produk, kempen pengumpulan dana amal, usaha advokasi politik, keagamaan, atau tujuan komersial swasta yang tidak bersangkutan dengan PETRONAS;
  - Melakukan "jenayah siber", seperti serangan spam, penggodaman, sabotaj IT, mengintip, dan mencipta atau menghantar virus;
  - Menghantar khabar angin yang berniat jahat atau bahan yang bersifat menghina atau tidak senonoh; dan/atau
  - Terlibat dalam aktiviti yang boleh merosakkan perniagaan atau reputasi PETRONAS.

- 26.13** Sekiranya anda menemui atau mengesyaki sebarang kejadian sebenar atau risiko berlakunya kejadian sebenar tersebut, yang mana ia boleh menjejaskan keselamatan, integriti, kerahsiaan, operasi atau ketersediaan perkakasan, sistem atau data PETRONAS, atau berlakunya sebarang pendedahan maklumat sulit, anda hendaklah menghubungi Meja Perkhidmatan ICT atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda dengan kadar segera. Anda adalah dilarang daripada sebarang percubaan untuk membuktikan kelemahan keselamatan sistem dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak dibenarkan.
- 26.14** Anda hendaklah menggunakan sistem IT dan komunikasi PETRONAS dengan cara yang bertanggungjawab dan profesional selaras dengan Kod ini dan polisi serta prosedur IT PETRONAS lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, termasuk Rangka Kerja Tadbir Urus Keselamatan Siber PETRONAS, yang menetapkan garis panduan yang lebih terperinci dan komprehensif untuk pemeliharaan keselamatan maklumat dan penggunaan sistem, serta sebarang polisi media sosial yang berkaitan.
- 26.15** PETRONAS boleh mencari dan memantau e-mel dan penggunaan internet anda melalui sistem dan peralatan IT atau komunikasi PETRONAS, tertakluk kepada keperluan undang-undang dan peraturan tempatan. Anda tidak boleh mengangap bahawa sebarang penggunaan peranti atau sistem komunikasi PETRONAS adalah bersifat peribadi.
- 26.16** Anda mesti melindungi kata laluan dan lain-lain kaedah perlindungan sistem maklumat PETRONAS daripada akses yang tidak dibenarkan, termasuk mematuhi protokol perlindungan kata laluan yang ditetapkan oleh PETRONAS dari semasa ke semasa.
- 26.17** Anda mesti mematuhi polisi dan prosedur PETRONAS mengenai pengekalan rekod, sama ada berkenaan dengan rekod elektronik atau salinan keras yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 26.18** Kontraktor dan pihak lain yang diberi kuasa oleh PETRONAS untuk menggunakan sistem komputer PETRONAS mesti mematuhi polisi IT PETRONAS dan prosedur asas keselamatan ICT yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

## **Bahagian II G: Kelakuan Bertentangan Dengan Kewajipan Untuk Berkhidmat Dengan Tekun**

### **27. Aktiviti Pekerjaan Atau Perniagaan di Luar**

**27.1** Sebagai pekerja PETRONAS, anda mesti menumpukan masa dan perhatian anda kepada pemenuhan kewajipan pekerjaan anda kepada PETRONAS. Kakitangan PETRONAS tidak dibenarkan melakukan dua pekerjaan dalam apa jua kapasiti (termasuk terlibat dalam pengurusan, arah tuju atau mengendalikan perusahaan lain) tanpa kebenaran bertulis daripada HOD atau Jabatan Sumber Manusia yang ditugaskan kepada anda.

**Dua pekerjaan** adalah suatu keadaan di mana pekerja memegang jawatan sepenuh masa dan menerima gaji dengan satu majikan dan mengambil pekerjaan tambahan dengan majikan lain sama ada secara sepenuh masa atau sambilan.

**27.2** Kebenaran akan diberikan sekiranya PETRONAS berpuas hati bahawa dua pekerjaan tersebut tidak akan mengganggu atau menjejaskan prestasi tugas anda atau pelaksanaan kewajipan anda kepada PETRONAS.

**27.3** Apa-apa kebenaran yang diberikan boleh ditarik balik pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak PETRONAS tanpa perlu memberikan apa-apa sebab. Dalam keadaan sedemikian, PETRONAS adalah ditanggung rugi sepenuhnya oleh anda dan tidak akan menanggung apa-apa kesan yang timbul daripada keputusan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelumnya.



## Aktiviti yang mendatangkan keuntungan

**27.4** Kakitangan PETRONAS boleh terlibat dalam aktiviti lain yang mendatangkan keuntungan atau mana-mana aktiviti perniagaan luar. Sekiranya anda sememangnya sudah terlibat dalam apa-apa aktiviti lain yang mendatangkan keuntungan, atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau aktiviti perniagaan mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat, firma, perbadanan atau aktiviti perniagaan lain, anda hendaklah tampil dan mendedahkan penglibatan tersebut kepada PETRONAS melalui HoD atau Jabatan Sumber Manusia yang ditugaskan kepada anda.

**Aktiviti yang mendatangkan keuntungan** bermaksud apa-apa aktiviti yang dijalankan di luar waktu bekerja sepenuh masa dengan PETRONAS, dan sebagai pulangan, memberikan keuntungan kewangan kepada pekerja.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## 28. Khidmat Masyarakat, Rekreasi, Sukan, Kesatuan dan Aktiviti Kemasyarakatan

**28.1** Secara amnya, PETRONAS membenarkan anda untuk mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat atas dasar sukarela tanpa gaji, aktiviti rekreasi, sukan dan aktiviti kemasyarakatan yang lain di luar waktu bekerja. Walaupun aktiviti di luar waktu bekerja adalah digalakkan, namun aktiviti sedemikian hendaklah tidak menjejaskan atau mengganggu sebarang pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawab anda semasa waktu bekerja yang ditetapkan.

Aktiviti luar adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a) Khidmat Masyarakat secara sukarela: aktiviti NGO.
- b) Aktiviti rekreasi: mendaki, menyelam.
- c) Sukan: maraton, pasukan hoki.
- d) Aktiviti kemasyarakatan yang lain.
- e) Badan Tempatan: RELA, JPA3, AKF(UK).
- f) Majlis dan persatuan: MAKNA, NASOM, Transparent Hands (UK).

**28.2** Secara amnya, jika pekerja PETRONAS ditawarkan untuk berkhidmat dengan mana-mana badan tempatan, atau sebagai ahli jawatankuasa kelab yang dilantik atau dipilih, maka pekerja tersebut adalah dikehendaki untuk mendapatkan kelulusan daripada HoD dengan konsultasi bersama Jabatan Sumber Manusia dengan kadar segera apabila dilantik atau dipilih, dan hendaklah mengimbangi aktiviti luar tersebut dengan pekerjaan sepenuh masanya di PETRONAS. Pekerja tersebut dikehendaki untuk melaksanakan kedua-dua tanggungjawabnya dengan baik, sama ada daripada aspek berkenaan dengan masa yang digunakan bagi aktiviti luar atau pun berkaitan sifat tugas sepenuh masa pekerja tersebut. Pada setiap masa yang relevan, pekerja tersebut hendaklah memastikan bahawa tugas dan kewajipannya kepada PETRONAS, serta kepentingan PETRONAS, tidak dikompromi.

- 28.3** PETRONAS mengiktiraf peranan pekerja yang dipilih sebagai pegawai kesatuan sekerja yang telah diberi pengiktirafan sewajarnya oleh PETRONAS dan penyertaan pekerja tersebut dalam aktiviti kesatuan yang mematuhi undang-undang buruh yang berkaitan.
- 28.4** Sumbangan bagi tujuan amal sama ada dalam bentuk kewangan atau barang-barang (atau menggunakan) sumber PETRONAS, mestilah mendapat kelulusan PETRONAS terlebih dahulu dan tidak boleh digunakan untuk membelakangi atau mengelak pemakaian mana-mana peruntukan dalam Kod ini (terutamanya larangan berhubung dengan rasuah).

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## 29. Aktiviti Politik

- 29.1** PETRONAS tidak menyokong parti politik atau mana-mana ahli politik dan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau politik kepartian.

Walau bagaimanapun, PETRONAS mengakui bahawa pekerja, dalam kapasiti sebagai warganegara, mungkin ingin melibatkan diri dalam aktiviti politik yang sah. Walaupun PETRONAS tidak berhasrat untuk menghalang pekerjaanya daripada berbuat demikian, namun bagi tujuan mengelakkan PETRONAS daripada sebarang penglibatan atau dikaitkan dengan mana-mana parti politik, maka pekerja dikehendaki menggunakan masa di luar tugas mereka, atau cuti tahunan yang diperuntukkan, tertakluk kepada kelulusan permohonan cuti tersebut terlebih dahulu, untuk penglibatan dalam perkara tersebut, dan pekerja tersebut adalah dilarang daripada membuat sebarang representasi bahawa penglibatannya adalah bagi pihak atau dengan sokongan PETRONAS. Dalam apa jua keadaan, seseorang pekerja tidak boleh menerima apa-apa pelantikan sebagai pemegang jawatan di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri atau Pusat bagi sesuatu parti politik, dan pekerja itu hendaklah menolak pelantikan itu.

- 29.2** Bagi memelihara kepentingan PETRONAS, pekerja yang ingin bertanding dalam pilihan raya Negeri, Persekutuan dan/atau lain-lain pilihan raya adalah dikehendaki meletakkan jawatan daripada PETRONAS, tertakluk kepada keperluan undang-undang yang berkenaan.
- 29.3** Anda tidak boleh menggunakan kedudukan anda dengan PETRONAS untuk cuba mempengaruhi mana-mana individu lain (sama ada yang bekerja dengan PETRONAS atau tidak) untuk membuat sumbangan politik atau untuk menyokong mana-mana ahli politik atau partinya di mana-mana negara.
- 29.4** Anda tidak boleh membuat apa-apa sumbangan atau menanggung apa-apa perbelanjaan menggunakan sumber PETRONAS untuk memberi manfaat kepada mana-mana kempen politik, parti atau ahli politik di mana-mana negara.
- 29.5** Kemudahan, peralatan dan sumber PETRONAS tidak boleh digunakan untuk sebarang kempen politik atau majlis anjuran parti.
- 29.6** Sumbangan amal tidak boleh digunakan sebagai pengganti pembiayaan politik yang dilarang atau untuk penyamaran rasuah.

### **30. Larangan Bertindak Sebagai Editor Akhbar Atau Apa-Apa Bentuk Penerbitan**

**30.1** Seorang pekerja adalah dilarang daripada bertindak sebagai editor, atau mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan mana-mana penerbitan bercetak atau dalam talian, termasuk akhbar, majalah atau jurnal, kecuali yang berikut:

- a) Penerbitan jabatan atau kakitangan.
- b) Penerbitan profesional.
- c) Penerbitan organisasi sukarela atau yang tidak berorientasikan politik.

Kelulusan hendaklah diperolehi daripada HoD dengan konsultasi bersama Jabatan Sumber Manusia.

## 31. Penyertaan Dalam Media

- 31.1** Seorang pekerja boleh mengambil bahagian dalam apa-apa bentuk iklan atau penyiaran sama ada di akhbar, majalah, radio atau televisyen atau mana-mana media lain, dengan kelulusan yang sewajarnya daripada PETRONAS.
- 31.2** PETRONAS menggalakkan pekerjaanya untuk menyumbang artikel sastera atau akademik kepada mana-mana penerbitan (contohnya akhbar, majalah atau jurnal), dengan syarat sumbangan tulisan tersebut telah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada HoD.
- 31.3** Pekerja hendaklah sentiasa berhati-hati dan mematuhi perkara berikut pada setiap masa:
- Untuk tidak mendedahkan maklumat sulit PETRONAS di akaun media sosial peribadi atau di mana-mana akaun lain, seperti melalui komen di akaun lain tersebut.
  - Berhati-hati dengan hak cipta, tanda dagangan dan hak harta intelek PETRONAS dan organisasi atau individu lain.
  - Untuk melindungi jenama dan reputasi PETRONAS, dan mematuhi prinsip integriti dan profesionalisme semasa menerbitkan kandungan di PETRONAS.
  - Untuk tidak membuat apa-apa kenyataan bagi pihak PETRONAS melainkan jika pekerja tersebut adalah jurucakap yang telah ditetapkan atau ditugaskan (diberikan kuasa dan kebenaran).

Semua pekerja adalah bertanggungjawab ke atas siaran mereka di media sosial, sama ada berkaitan dengan PETRONAS atau sebaliknya. Sekiranya mana-mana aktiviti media sosial didapati dan dianggap membawa sebarang kesan negatif terhadap imej dan reputasi PETRONAS, maka PETRONAS adalah berhak untuk mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya.

## Bahagian II H: Kewajipan Pendedahan

### 32. Kewajipan Anda Untuk Melaporkan Kemungkiran dan Pelanggaran

- 32.1** Sekiranya anda menyedari pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Kod ini atau pelanggaran ke atas dasar PETRONAS atau ketetapan undang-undang lain, anda dikehendaki untuk melaporkan perkara tersebut secara bertulis kepada HoD atau Jabatan Sumber Manusia atau orang hubungan PETRONAS yang ditugaskan kepada anda.
- 32.2** Anda juga boleh mendedahkan apa-apa kelakuan tidak wajar yang didakwa atau disyaki berlaku menggunakan prosedur yang diperuntukkan dalam Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS seperti yang diterima pakai untuk bidang kuasa anda.
- 32.3** Jika anda membuat laporan atau pendedahan seperti yang dinyatakan di atas dengan niat baik serta tiada niat jahat dan bersandarkan kepercayaan bahawa pelanggaran atau kemungkiran seperti yang dinyatakan di atas mungkin telah berlaku atau mungkin akan berlaku, dan sekiranya selepas penyiasatan dijalankan, didapati bahawa anda tersilap, maka anda tidak akan dikenakan sebarang hukuman, atau tertakluk kepada apa-apa bentuk tindakan atau tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan. Apa-apa bentuk tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan oleh seseorang yang tertakluk kepada Kod ini terhadap individu lain yang telah membuat laporan atau pendedahan seperti yang dinyatakan di atas dengan niat baik dan tanpa niat jahat adalah dilarang. Sekiranya berlaku demikian, ia akan dianggap sebagai salah laku serius yang boleh mengakibatkan individu yang terlibat dalam membuat tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan tersebut dikenakan tindakan tatatertib. Tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan adalah termasuk tindakan secara terang-terangan seperti memecat, memindahkan, menurunkan pangkat atau menyerang seseorang secara terbuka, dan tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan yang lebih halus, seperti memulaukan seseorang, mengasingkannya daripada aktiviti profesional atau sosial, dan sebagainya.

- 32.4** Peruntukan Seksyen 32 ini tidak bertujuan untuk membatalkan prosedur aduan dan/atau proses dan prosedur tindakan tatatertib di kumpulan syarikat anda, dan adalah tertakluk kepada prosedur dan larangan yang berkuat kuasa bagi bidang kuasa anda.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS
- Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS



### **33. Pendedahan Lebihan Pembayaran**

Jika anda mendapati bahawa anda telah menerima lebihan bayaran gaji, elaun, perbelanjaan, tuntutan atau pampasan lain, atau faedah yang melebihi kelayakan anda, anda dikehendaki segera memaklumkan kepada pegawai atasan terdekat serta jabatan yang bertanggungjawab untuk pembayaran atau faedah sedemikian, dan kemudian dengan serta-merta membayar balik apa-apa lebihan bayaran tersebut kepada PETRONAS. Sekiranya anda gagal membuat bayaran balik, maka PETRONAS adalah berhak untuk menuntut semula lebihan bayaran tersebut daripada anda.

## Bahagian III:

# Persekitaran dan Budaya

## Tempat Kerja

### 1. **Kepentingan Persekitaran Tempat Kerja Yang Selamat, Terjamin dan Kondusif**

PETRONAS komited untuk menyediakan, dengan kerjasama anda, budaya dan persekitaran tempat kerja yang selamat, terjamin dan kondusif, di mana nilai-nilai saling menghormati, kepercayaan dan keyakinan ditegakkan dan digalakkan secara aktif.

Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## **2. Diskriminasi Yang Menyalahi Undang-Undang**

- 2.1** PETRONAS tidak akan bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi yang menyalahi undang-undang di tempat kerja atau berhubung dengan kerja.
- 2.2** Anda dikehendaki mematuhi undang-undang yang terpakai dalam bidang kuasa tempatan yang melarang diskriminasi di tempat kerja.
- 2.3** PETRONAS tidak mendiskriminasi mana-mana individu dalam amalan pekerjaan atau proses pengambilan pekerja. Ini termasuk diskriminasi berdasarkan bangsa, etnik, warna kulit, umur, jantina, identiti atau ekspresi jantina, orientasi seksual, kepercayaan politik, kewarganegaraan, negara asal, agama, kecacatan, status ibu bapa, ekonomi/status kelas, atau ciri-ciri yang tidak berkaitan dengan merit individu atau keperluan jawatan pekerjaan yang dimohon.

### **3. Pembangunan Mampan**

- 3.1** PETRONAS komited kepada pembangunan mampan untuk membantu memenuhi keperluan tenaga dunia yang semakin meningkat melalui usaha ekonomi, alam sekitar dan tanggungjawab sosial.
  
- 3.2** Anda hendaklah memasang cita-cita untuk mewujudkan faedah sosial yang berkekalan; memelihara kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor dan tetangga; meminimumkan gangguan kepada masyarakat; merendahkan kadar pelepasan; meminimumkan kesan ke atas ekosistem dan biodiversiti; dan menggunakan tenaga, air serta sumber lain dengan lebih cekap.

## 4. Kod Pakaian

Semua pekerja hendaklah berpakaian kemas, sesuai, dan sopan semasa waktu bekerja di pejabat. Semua pekerja diwajibkan mematuhi peraturan yang lebih khusus mengenai pakaian yang disediakan oleh Jabatan Sumber Manusia masing-masing.

### Dokumen Rujukan

- Panduan CoBE PETRONAS

## 5. Gangguan Seksual

**5.1** Galakan berhubung aspek kesejahteraan fizikal, emosi dan psikologi pekerja merupakan objektif penting PETRONAS. Dalam hal ini, PETRONAS komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif di mana hak anda untuk mendapat perlindungan daripada semua bentuk gangguan seksual dan semua yang berkaitan dengannya adalah terjamin.

**5.2** Semua bentuk gangguan seksual, tawaran dan pendekatan yang bersifat seksual adalah dianggap sebagai salah laku.

**5.3** Bagi maksud Seksyen 5 ini, "gangguan seksual" bermaksud:

Sebarang kelakuan seksual yang tidak diingini, atau tidak wajar, atau tidak diminta, atau tidak dibalas, yang membawa kesan gangguan secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi, atau fizikal kepada mangsa:

- a) Atas alasan yang munasabah, ia berkemungkinan dilihat oleh mangsa sebagai tindakan meletakkan syarat yang bersifat seksual terhadap pekerjaannya; dan/atau
- b) Atas alasan yang munasabah, ia berkemungkinan dilihat oleh mangsa sebagai suatu kesalahan atau penghinaan, atau ancaman terhadap kesejahteraannya.

Gangguan seksual di tempat kerja adalah turut termasuk gangguan seksual yang berlaku di luar tempat kerja, yang terjadi susulan daripada pelaksanaan tanggungjawab pekerjaan atau hubungan pekerjaan. Situasi di mana gangguan seksual yang berkaitan dengan pekerjaan tersebut boleh berlaku adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Di majlis sosial yang berkaitan dengan kerja.
- Semasa tugas kerja di luar tempat kerja.
- Di persidangan atau sesi latihan yang berkaitan dengan kerja.
- Semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan kerja.
- Melalui telefon.
- Melalui media elektronik.

## 6. Hubungan Peribadi di Tempat Kerja

- 6.1** Sekiranya pekerja menjalin suatu hubungan yang melangkaui hubungan profesional dan persahabatan sosial, maka hubungan tersebut boleh mewujudkan konflik kepentingan serta risiko eksploitasi, pilih kasih atau berat sebelah. Hubungan sedemikian juga boleh menjejaskan nilai-nilai teras seperti rasa hormat dan kepercayaan dalam kalangan kakitangan, dan memberi kesan ke atas reputasi dan integriti PETRONAS. Hubungan sedemikian mewujudkan kemungkinan ketidakpuasan hati, ketidakharmonian dan kesukaran yang ketara bagi pihak-pihak yang berkenaan dan juga rakan sekerja PETRONAS yang lain. Dalam keadaan ini, hubungan sedemikian adalah tidak digalakkan. Terma pekerjaan yang ditetapkan ke atas anda boleh mengenakan syarat tambahan berkenaan dengan hubungan peribadi di tempat kerja.
- 6.2** Wujud suatu keadaan konflik kepentingan apabila anda menyelia seseorang individu yang mempunyai pertalian keluarga atau hubungan peribadi dengan anda. Walaupun sekiranya anda telah mengambil tindakan yang betul, hubungan tersebut mungkin dilihat mempengaruhi keputusan yang dibuat. Oleh itu, sebagai pekerja atau pengarah PETRONAS, anda adalah dilarang daripada menyelia, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana pekerja yang mempunyai hubungan sedemikian dengan anda, tanpa memaklumkan secara bertulis tentang hal tersebut kepada HoD yang ditugaskan kepada anda dengan konsultasi bersama Jabatan Sumber Manusia (atau, untuk pengarah, setiausaha syarikat yang berkaitan).

## **7. Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

- 7.1** PETRONAS komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja yang bekerja di fasiliti milik PETRONAS dan meminimumkan kesan operasinya terhadap alam sekitar.
- 7.2** Semua individu yang berada di premis PETRONAS mestilah dengan teliti dan tekun mematuhi semua ketetapan, langkah-langkah, peraturan kerja dan prosedur operasi standard yang ditetapkan dalam manual, buku panduan dan dokumen yang dikeluarkan oleh PETRONAS, termasuk sebagaimana yang dipinda dan dikemas kini dari semasa ke semasa dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Semua individu yang berada di premis PETRONAS dikehendaki untuk mengurangkan, menggunakan semula, mengitar semula dan memulihkan sisa dengan mengguna pakai amalan industri yang baik.



## 8. Penyalahgunaan Bahan (Penyalahgunaan Dadah dan Alkohol)

**8.1** Penyalahgunaan bahan (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 8.3) boleh menjejaskan prestasi di tempat kerja dan boleh menjadi ancaman kepada kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. Oleh itu, adalah menjadi polisi PETRONAS bahawa penggunaan, pemilikan, pengedaran, pembelian atau penjualan apa-apa bahan tersebut adalah tidak dibenarkan di dalam premis PETRONAS atau semasa menjalankan perniagaannya. Pelaksanakan tugas ketika berada di bawah pengaruh mana-mana bahan tersebut juga adalah dilarang. Dalam hal ini, semua pihak yang tertakluk kepada Kod ini diwajibkan untuk mematuhi polisi dan prosedur mengenai penyalahgunaan bahan yang dikeluarkan oleh PETRONAS, termasuklah sebagaimana yang dipinda dan dikemas kini dari semasa ke semasa, yang mana salinannya boleh diperolehi daripada Kumpulan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar. Penggunaan ubat psikoaktif yang sah preskripsinya adalah dibenarkan untuk rawatan penyakit yang telah dikenal pasti, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pengurusan PETRONAS yang mempunyai kuasa ke atas premis atau aktiviti yang berkaitan.

**8.2** Bagi memastikan pematuhan polisi ini, PETRONAS boleh menjalankan ujian dan pengeledahan bahan tersebut secara rawak mengikut polisinya dan tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang berkenaan.

Mana-mana pihak yang tertakluk kepada Kod ini yang didapati memiliki tanpa kebenaran, atau yang diuji positif untuk apa-apa jua bahan tersebut, adalah dianggap telah melakukan perbuatan salah laku yang boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan tatatertib, termasuklah pemecatan. Tertakluk kepada undang-undang tempatan di mana operasi dijalankan, pekerja adalah dikehendaki untuk bersetuju dengan ujian dan pengeledahan yang dijalankan oleh mana-mana pihak atau makmal yang diberi kuasa dan kebenaran oleh PETRONAS, dengan menandatangani dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh PETRONAS. Selanjutnya, pekerja yang menjalani ujian tersebut dikehendaki untuk memberi persetujuan berhubung keputusan ujian kepada PETRONAS.

- 8.3** Di bawah Kod ini, “penyalahgunaan bahan” adalah termasuk apa-apa jua dadah terlarang, minuman beralkohol yang mengandungi etanol, ubat psikoaktif yang sah di sisi undang-undang tetapi diperoleh atau digunakan tanpa preskripsi yang sah, dan ubat psikoaktif yang mempunyai preskripsi sah di sisi undang-undang tetapi digunakan di luar skop penggunaan terapeutik atau penggunaan yang ditetapkan.
- 8.4** Semua pihak ketiga yang melaksanakan tugas untuk atau bagi pihak PETRONAS dan mana-mana pihak lain yang berada di premis PETRONAS, adalah dikehendaki untuk mempamerkan bahawa program kawalan penyalahgunaan bahan ini adalah merupakan sebahagian daripada aspek pengurusan HSE pihak tersebut bagi memastikan penyalahgunaan bahan dalam kalangan pekerja telah dikawal secukupnya dan memenuhi standard yang ditetapkan PETRONAS.

## 9. Peminjaman Wang

- 9.1** Anda dilarang, dalam apa jua keadaan, daripada meminjam, meminta, meminjamkan wang kepada atau daripada kakitangan bawahan anda, kontraktor, subkontraktor, vendor, perunding atau pembekal PETRONAS atau mana-mana entiti lain yang mempunyai urusan dengan PETRONAS.
- 9.2** Tertakluk kepada perkara di atas dan apa-apa larangan yang dinyatakan dalam Edisi Negara yang terpakai kepada anda, anda boleh meminjam wang daripada mana-mana pihak atau menjadi penjamin bagi mana-mana peminjam, dengan syarat bahawa anda tidak dengan apa-apa jua cara meletakkan diri anda di bawah apa-apa kewajipan serius kepada mana-mana pihak:
- a) Yang sama ada secara langsung atau tidak langsung, tertakluk kepada bidang kuasa rasmi anda.
  - b) Yang berurusan secara rasmi atau mungkin akan berurusan secara rasmi dengan anda.

## 10. Buli dan Gangguan di Tempat Kerja

- 10.1** PETRONAS tidak akan bertolak ansur dengan tindakan buli dan gangguan di tempat kerja atau berkaitan perkerjaan.
- 10.2** Buli di tempat kerja ditakrifkan sebagai tingkah laku yang menyinggung perasaan, menyakitkan, menakutkan atau menghina yang berterusan, yang membuat mangsa berasa kecewa, terancam, dihina dan lemah.
- 10.3** Buli di tempat kerja boleh berlaku dalam bentuk penderaan lisan, fizikal, sosial atau psikologi oleh individu lain atau sekumpulan individu di tempat kerja.
- 10.4** Gangguan adalah sebarang penyasaran berasaskan tingkah laku fizikal, lisan atau bukan lisan yang sistematik dan/atau berterusan, termasuk tetapi tidak terhad kepada status perkahwinan, jantina, agama atau kepercayaan, umur, bangsa atau kecacatan mangsa yang menjejaskan maruah sesiapa sahaja di tempat kerja atau mewujudkan persekitaran yang menakutkan, permusuhan, menjatuhkan maruah, memalukan atau menyinggung perasaan.
- 10.5** Contoh Buli dan Gangguan di Tempat Kerja:
- a) Buli lisan: Memfitnah, mengejek atau menghina seseorang atau keluarganya; mencaci secara berterusan atau menjadikan individu itu sebagai jenaka yang menyakitkan, merendahkan, menghina atau memalukan dan menggunakan kata-kata yang kesat serta menyinggung perasaan.
  - b) Buli fizikal: Menolak, menggoncang, menendang, mencucuk, menyadung, serangan atau ancaman serangan fizikal dan menyebabkan kerosakan pada tempat kerja atau harta benda seseorang.
  - c) Buli gerak isyarat: Gerak isyarat berbaur ugutan, pandangan atau riak wajah yang boleh menyampaikan mesej ancaman atau permusuhan.

- d) Pemulauan: Mengecualikan, mengasingkan atau mengabaikan seseorang secara sosial atau fizikal dalam aktiviti berkaitan kerja.
- e) Buli siber.
- f) Layanan buruk: Menggunakan kedudukan seseorang untuk memberi layanan buruk kepada individu lain.
- g) Memfitnah, memalukan atau tidak memberi kredit kepada individu lain yang wajar menerimanya.

## 11. Hak Asasi Manusia

- 11.1** PETRONAS komited dalam menghormati hak asasi manusia dalam semua bidang operasinya dan komitmen hak asasi manusia kami adalah terpakai kepada semua pekerja dan pihak ketiga yang melaksanakan kerja untuk atau bagi pihak PETRONAS serta mana-mana pihak lain yang berada di premis PETRONAS.
- 11.2** Anda dilarang daripada menggunakan buruh kanak-kanak dan hendaklah menggaji pekerja yang memenuhi syarat umur minimum di sisi undang-undang yang terpakai untuk bekerja dalam negara di mana anda beroperasi.
- 11.3** Anda dilarang daripada terlibat atau menyokong pemerdagangan manusia atau perhambaan moden, termasuklah buruh paksa, buruh terikat atau buruh sukarela.
- 11.4** Anda mesti mengambil bahagian dalam semua latihan/taklimat yang disyaratkan oleh PETRONAS.

# Bahagian IV:

## Disiplin, Proses

## Tatatertib dan Sekatan

### 1. Kepentingan Kelakuan Baik dan Disiplin

- 1.1** Pemeliharaan disiplin, kelakuan baik dan kesopanan dalam kalangan kakitangan PETRONAS adalah penting untuk kelancaran perniagaan atau perusahaannya dan adalah untuk kebaikan bersama PETRONAS serta kakitangannya.
- 1.2** Istilah “salah laku” bermaksud tingkah laku atau perbuatan atau kelakuan yang tidak wajar berhubung dengan tugas, atau kerja yang tidak konsisten dengan syarat ketetapan PETRONAS, dan adalah termasuk pelanggaran disiplin, atau pelanggaran Kod ini atau kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan seperti yang dinyatakan dalam mana-mana buku panduan, polisi atau kenyataan prosedur atau dalam mana-mana dokumentasi PETRONAS.
- 1.3** Senarai berikut adalah merupakan tindakan salah laku di mana seseorang yang tertakluk kepada Kod ini boleh dikenakan tindakan tatatertib, tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang terpakai:
  - i. Ingkar perintah.
  - ii. Kelewatan.
  - iii. Ketidakhadiran.
  - iv. Tingkah laku ganas atau ancaman tingkah laku ganas (termasuk serangan dan pergaduhan, sama ada dengan pekerja, pelanggan, kontraktor, atau pelawat ke premis PETRONAS).
  - v. Kecurian, penipuan, penyelewengan
  - vi. Tidak berlaku jujur, atau bertindak dengan cara sedemikian rupa dan meletakkan diri seseorang itu untuk disyaki sebagai tidak jujur.

- vii. Menggalakkan atau membantu sesiapa sahaja untuk mencuri harta benda PETRONAS.
- viii. Kecuaian, pengabaian atau pengabaian tugas.
- ix. Tidur semasa bertugas.
- x. Sengaja merosakkan harta benda PETRONAS.
- xi. Meninggalkan tempat kerja semasa waktu bekerja tanpa kebenaran yang sewajarnya.
- xii. Ketidakwaajaran seksual di tempat kerja.
- xiii. Penyalahgunaan dadah semasa bekerja atau yang mempengaruhi prestasi kerja.
- xiv. Mendaftar masuk atau mendaftar keluar kehadiran pekerja lain.
- xv. Gangguan seksual.
- xvi. Buli dan gangguan di tempat kerja.
- xvii. Menghalang pekerja lain daripada menjalankan tugas.
- xviii. Berjudi di dalam premis PETRONAS.
- xix. Tidak mematuhi langkah berjaga-jaga atau peraturan keselamatan atau mengganggu mana-mana peranti keselamatan yang dipasang di dalam atau sekeliling premis PETRONAS.
- xx. Terlibat dalam sebarang amalan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika seperti mengambil atau memberi rasuah atau menerima apa-apa suapan sama ada dari segi kewangan atau sebaliknya.
- xxi. Terlibat dalam pekerjaan/perniagaan lain semasa dalam perkhidmatan dengan PETRONAS, tanpa kebenaran PETRONAS.
- xxii. Sebarang tindakan yang boleh menjejaskan imej atau reputasi PETRONAS.



- xxiii. Penyalahgunaan sistem komputer dan telekomunikasi PETRONAS (cth., akses berlebihan laman internet yang tidak berkaitan dengan kerja (seperti laman web rangkaian sosial), mengakses laman lucah dan sengaja mengganggu atau menggunakan perkakasan atau perisian komputer tanpa kebenaran).
- xxiv. Mengambil tindakan yang memudaratkan dan menjejaskan terhadap individu dalam situasi di mana individu tersebut dilindungi oleh Dasar Pemberian Maklumat PETRONAS.
- xxv. Berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan secara munasabah sebagai kurang kecekapan.
- xxvi. Melanggar mana-mana polisi atau larangan yang dinyatakan dalam Kod ini.
- xxvii. Mengambil langkah-langkah untuk membelakangi polisi dan larangan yang dinyatakan dalam Kod ini.
- xxviii. Gagal mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai bagi perniagaan dan operasi PETRONAS.
- xxix. Gagal mematuhi polisi, peraturan dan prosedur PETRONAS yang ditetapkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada had kuasa (LOA) dan Standard Teknikal PETRONAS.
- xxx. Sabitan di mahkamah jenayah.
- xxxi. Membiarkan atau gagal untuk mengambil tindakan terhadap apa-apa isu tatatertib atau salah laku.
- xxxii. Memalsukan/mengganggu/mengubah apa-apa dokumen semasa pekerjaan atau penyerahannya.
- xxxiii. Pengisytiharan palsu sebelum atau semasa bekerja.
- xxxiv. Penahanan maklumat secara sengaja iaitu dengan sengaja gagal mendedahkan maklumat penting semasa siasatan oleh Syarikat.

- 1.4** Senarai jenis salah laku di atas tidak boleh dianggap lengkap dan, untuk mengelakkan keraguan, senarai tersebut tidak mengurangkan makna salah laku seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 1.2 Bahagian IV di atas.
- 1.5** Tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang terpakai, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang tertakluk kepada Kod ini kerana salah laku atau ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, dan prosedur tersebut.

## 2. Proses Tatatertib dan Sekatan

Peruntukan mengenai prosedur dan tindakan tatatertib yang berkaitan dengan bidang kuasa anda telah digariskan dalam Edisi Negara. Sekiranya tiada peruntukan sedemikian dinyatakan dalam apa-apa dokumen serupa untuk bidang kuasa anda, peraturan dan amalan disiplin standard untuk menangani pelanggaran polisi syarikat dalam bidang kuasa anda akan terpakai, dan dalam setiap keadaan tertakluk kepada ketetapan undang-undang yang berkenaan. Maklumat lanjut berhubung hal ini boleh diperolehi daripada Jabatan Sumber Manusia.

## PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)

197401002911 (20076-K)

Jabatan Pematuhan Undang-Undang  
Kumpulan Undang-Undang  
Aras 65, Menara 1, Menara Berkembar PETRONAS, Pusat Bandaraya  
Kuala Lumpur, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi talian utama CoBE di:

[cobe@petronas.com.my](mailto:cobe@petronas.com.my)

[www.petronas.com](http://www.petronas.com)

